

DARIPADA Abu Hurairah Radiallahuanhu, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda yang bermaksud : "Setiap amalan kebaikan yang dilakukan oleh anak Adam akan dilipatgandakan dengan 10 kebaikan hingga 700 kali ganda. Allah Azzawajalla berfirman yang tafsirnya : Kecuali amalan puasa. Amalan puasa tersebut adalah untuk-Ku, Aku sendiri yang akan membalasnya. Disebabkan dia telah meninggalkan syahwat dan makanan kerana-Ku. Bagi orang yang berpuasa akan mendapatkan dua kebahagiaan iaitu ketika dia berbuka dan ketika berjumpa dengan Tuhannya. Sesungguhnya bau mulut orang yang berpuasa adalah lebih harum disisi Allah daripada bau kasturi".  
- (Hadis Riwayat Imam Muslim).

# MANFAATKAN KELEBIHAN, GANJARAN DI BULAN RAMADAN

Oleh : Nur Amalia Alisha Daud  
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Sabtu, 1 Mac. - Ramadan adalah penghulu segala bulan. Darjatnya sangat tinggi di sisi Allah Subhanahu Wata'ala. Di dalamnya Al-Quran diturunkan.

Kelebihan Ramadan sangat istimewa, sebagaimana hadis-hadis Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam memberitahu, di antaranya Baginda bersabda, maksudnya: "Bulan Ramadan ke bulan Ramadan, hari Jumaat ke hari Jumaat dan satu sembahyang ke sembahyang yang lain adalah penebus dosa di antara keduanya, selama mana segala dosa besar dijauhi".

Bersabda lagi Baginda, maksudnya : "Bulan Ramadan adalah bulan sabar dan ganjaran dari kesabaran itu adalah masuk syurga".

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertitah demikian dalam Titah Perutusan sempena Menyambut Awal Bulan Ramadan bagi Tahun 1446 Hijrah / 2025 Masihi di Istana Nurul Iman.

>> Muka 3



**KEBAWAH** Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan Titah Perutusan sempena Menyambut Awal Bulan Ramadan bagi Tahun 1446 Hijrah / 2025 Masihi.



## Berita Utama



**PEMBUKAAN** Tadarus di Istana Nurul Iman

Muka 3



**PUPUK** hubungan kehakiman melalui pertukaran pengetahuan, kepakaran

Muka 13

## Sentiasa proaktif menjaga kesihatan telinga

Siaran Akhbar :  
Kementerian Kesihatan

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Isnin, 3 Mac. - Masalah pendengaran sering kali diabaikan sehingga ia menjejaskan kehidupan seharian. Menurut Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO), lebih 500 juta orang dianggarkan mengalami masalah hilang upaya pendengaran yang memerlukan pemulihan menjelang tahun 2030.

Di Negara Brunei Darussalam pula, seramai 1,263 pesakit yang baru didiagnosis dengan masalah kehilangan pendengaran pada tahun 2024 dan daripada jumlah tersebut, seramai 468 pesakit telah dikenal pasti untuk menerima rawatan dengan alat bantu upaya pendengaran (hearing aids).

Perkara ini dinyatakan oleh Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar dalam perutusan sempena Sambutan Hari Pendengaran Sedunia 2025.

>> Muka 12

## Majlis Pembukaan Tadarus Al-Quran semarakkan bulan Ramadan

Oleh : Marlinawaty Hussin

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Sabtu, 1 Mac. - Bulan Ramadan Al-Mubarak adalah bulan yang dinanti-nantikan, bulan yang memberi makna besar dalam perjalanan hidup seorang Muslim kerana ia menjanjikan ganjaran pahala yang berlipat ganda kepada setiap amalan yang dilakukan dan padanya terhimpun rahmat serta keampunan daripada Allah Subhanahu

Wata'ala.

Pintu-pintu syurga dibuka pada Ramadan dan peluang-peluang mendapatkan kelebihan serta pahala yang berlipat ganda turut dibukakan seluas-luasnya kepada kita sepanjang bulan ini. Semuanya adalah tanda rahmat dan kasih sayang Allah Subhanahu Wata'ala jua.

>> Muka 3



**MEMUPUK** semangat berkongsi rezeki, membantu golongan memerlukan

Muka 16

## Bidang pendidikan terus menunjukkan trend peningkatan

Oleh : Srinarawie Bidzah

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Sabtu, 1 Mac. - Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah menjelaskan bagi Tahun Kewangan 2025/2026, Belanjawan Negara akan disediakan sebanyak BND6.35 bilion secara keseluruhan yang akan



dikeluarkan dari Kumpulan Wang Yang Disatukan.

"Seterusnya, kaola cadangkan untuk membentangkan Rang Undang-undang Perbekalan Tahunan, bagi Tahun Kewangan 2025/2026, untuk memperuntukannya bagi maksud-maksud yang dinyatakan dalam jadual.

>> Muka 4



**BAKWA** produk keluaran anak tempatan kian dikenali

Muka 20





KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan titah semasa Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-21 Majlis Mesyuarat Negara bagi Tahun 1446 Hijrah / 2025 Masihi yang berlangsung di Bangunan Dewan Majlis pada Rabu, 26 Februari 2025.

Assalamu'alaikum  
 Warahmatullahi Wabarakatuh  
 Bismillahir Rahmanir Rahim  
 Alhamdulillah Rabbil 'Alameen,  
 Wabihiee Nasta'eenu 'Alaa  
 Umuuriddunya Wadden, Wassalaatu  
 Wassalaamu 'Ala Asyrafil Mursaleen,  
 Sayyidina Muhammaddin, Wa'ala  
 Aalihee Wasahbihee Ajma'een, Waba'du

**A**LHAMDULILLAH, bersyukur kita ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan limpah izin-Nya jua, dapatlah kita sama-sama hadir

di Majlis Persidangan yang mulia ini bagi Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-21 Majlis Mesyuarat Negara (MMN).

Beta terlebih dahulu sukacita mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan di atas komitmen yang telah ditunjukkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang dilantik dalam usaha memajukan agenda pembangunan negara melalui sesi dialog, muzakarah dan lawatan kerja sebagai wadah penting bagi perkongsian pandangan diantara pihak kerajaan dan rakyat di negara ini.

## Kukuhkan keberkesanan persidangan melalui perbincangan lebih teratur

Adalah jelas peranan Ahli-ahli MMN untuk membahaskan perkara-perkara utama, termasuk memberikan maklum balas terhadap setiap dasar kerajaan supaya benar-benar menghasilkan impak positif terhadap kesejahteraan rakyat.

Kerana itu, integriti dan kewibawaan setiap Ahli Majlis adalah diukur pada kemampuan masing-masing untuk berfikir secara terbuka, berunding secara teratur dan bertindak proaktif demi kepentingan negara.

Melihat akan perkara ini, maka beta telah memperkenankan bagi perubahan terhadap kekerapan persidangan majlis ini iaitu kepada dua kali setahun bermula tahun ini. Ini termasuk pengemaskinian ke atas prosedur dan proses kerja menurut Peraturan Majlis Mesyuarat (Standing Orders) bagi setiap ahli untuk mempraktikkan sepenuhnya.

Dalam perkara berkaitan, beta juga melihat akan keperluan bagi penggabungan Kod Etika Ahli-ahli Majlis dalam melaksanakan tugas dengan lebih berkesan dan berintegriti tinggi.

Perubahan-perubahan ini akan mengukuhkan lagi keberkesanan persidangan majlis melalui perbincangan yang lebih teratur, fokus dan berkesinambungan serta mencerminkan kematangan dan profesionalisme Ahli-ahli Yang Berhormat yang bekerjasama dengan kerajaan menjaga kebajikan dan kesejahteraan rakyat di negara ini.

Selain itu, beta juga memperkenankan bagi Kementerian Kesihatan untuk mengemaskini dasar caj perkhidmatan yang sedia ada bagi penduduk tetap yang tidak mempunyai taraf kewarganegaraan

(stateless) untuk diberikan kemudahan perkhidmatan kesihatan seperti mana yang diberikan kepada warganegara Brunei Darussalam.

Berkaitan dengan ekonomi pula, usaha kita ke arah mempelbagaikan ekonomi juga sudah mula menunjukkan hasil yang memberangsangkan. Sumbangan Keluaran Dalam Negara Kasar atau KDNK (bagi sektor bukan minyak dan gas) telah menunjukkan kemajuan yang ketara dari segi purata pertumbuhan sepanjang tempoh tahun 2017 sehingga 2023 iaitu sebanyak 4.3 peratus setahun. Peningkatan ini telah menyumbang kepada peningkatan eksport barangan negara termasuk pengeksportan produk-produk baharu dan juga penembusan ke pasaran baharu seperti ke Chile, Mozambique, Colombia, Peru dan Mexico. Antara kemajuan yang dimaksudkan adalah di sektor hiliran minyak dan gas yang telah mengalami peningkatan yang luar biasa, dengan jumlah sumbangan KDNK pada harga tetap meningkat daripada BND136 juta pada tahun 2017 kepada BND1,241 juta pada tahun 2023. Apa yang jelas ialah penubuhan industri petrokimia telah menghasilkan produk seperti petrolem, metanol dan urea telah menjadi pemacu utama.

Selain itu, sektor perkhidmatan juga mencatatkan peningkatan iaitu daripada BND1,485 juta pada tahun 2017 kepada BND1,721 juta pada tahun 2023, dengan purata peningkatan tahunan sebanyak 2.5 peratus, yang disumbangkan oleh aktiviti-aktiviti perdagangan dan perkhidmatan perniagaan.

>> Muka 12

WAKTU SEMBAHYANG										
MAC MASTIHI	HARI	RAMADAN HIJRAH	IMSAK	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
3	ISNIN	2	5.04	5.14	6.31	6.54	12.33	3.49	6.33	7.43
4	SELASA	3	5.04	5.14	6.31	6.53	12.33	3.48	6.33	7.42
5	RABU	4	5.03	5.13	6.30	6.53	12.33	3.47	6.33	7.42
6	KHAMIS	5	5.03	5.13	6.30	6.52	12.33	3.47	6.33	7.42
7	JUMAAT	6	5.03	5.13	6.30	6.52	12.32	3.46	6.33	7.42
8	SABTU	7	5.02	5.12	6.29	6.52	12.32	3.46	6.33	7.42
9	AHAD	8	5.02	5.12	6.29	6.51	12.32	3.45	6.33	7.42

Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

RAMALAN CUACA 3 HARI			
	ISNIN	SELASA	RABU
Bandar Seri Begawan	32 25 °C	32 25 °C	29 24 °C
Pekan Bangar	31 25 °C	32 25 °C	29 25 °C
Pekan Tutong	31 25 °C	31 25 °C	29 24 °C
Kuala Belait	31 26 °C	32 26 °C	29 25 °C

Wallahualam Bissawab  
 Sumber : Perkhidmatan Kaji cuaca Brunei Darussalam, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi  
 www.mef.gov.bn

## SIDANG PENGARANG 3 MAC 2025

### Elakkan pembaziran di bulan Ramadan

**A**LHAMDULILLAH, marilah kita memanjatkan syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala atas limpah kurnia-Nya jua kita dipertemukan lagi dengan bulan penuh berkat dan rahmat iaitu bulan Ramadan. Dengan diberi kesempatan ini, marilah kita mengabdikan diri dengan melakukan amal ibadah yang diperintahkan, meninggalkan segala larangannya dan kita juga diberi peluang untuk memohon pengampunan dengan bertakwa kepada Allah Subhanahu Wata'ala.

Ramadan Al-Mubarak merupakan bulan yang sangat dinanti-nantikan oleh umat Islam, bulan terbaik untuk kita terus meningkatkan amal ibadah dan memperbanyakkan sedekah serta amal kebajikan.

Bulan Ramadan ini juga merupakan bulan di mana kita dapat meriset diri kita dari segi sikap, perbuatan dan juga rutin harian kita ke arah yang lebih baik. Bulan ini rata-ratanya orang akan cenderung untuk berjuadah secara besar-besaran semasa berbuka puasa. Tabiat ini perlu dielakkan dan dijauhkan agar ia tidak memudaratkan diri kita.

Meskipun kita berlajar pada siang hari, ini bukan bermakna untuk kita boleh makan secara berlebihan semasa berbuka puasa. Berpada-padahal dalam berbelanja dan menyediakan juadah berbuka. Memang menjadi kelazimannya, bulan ini nafsu makan kita sangat tinggi jika kita tidak dapat mengawal diri tetapi tabiat itu boleh kawal.

Ramadan dikatakan sebagai bulan di mana kita mengekang hawa nafsu dalam semua hal tetapi di bulan inilah berlakunya pembaziran dan sikap berlebihan seperti menjadi kebiasaan. Sepatutnya Ramadan mendidik kita untuk bersikap sederhana, jimat cermat dan tidak melampaui batas tetapi sebaliknya berlaku apabila tiba bulan yang penuh kerahmatan ini.

Islam melarang kita untuk melakukan pembaziran apatah lagi dalam bab rezeki makanan. Berbelanja dengan berhempah dan elakkan pembaziran yang berlebihan.

Hal mengenai pembaziran ini sangat ditekankan dalam Islam, sepertimana firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Israa', ayat 27 yang bermaksud, "Sesungguhnya orang-orang yang boros itu adalah saudara-saudara syaitan, sedangkan syaitan itu pula adalah makhluk yang sangat kufur kepada tuhanannya".

Oleh itu, marilah kita saling mengingatkan antara satu sama lain agar mengurangkan budaya pembaziran yang berlebihan sepanjang bulan Ramadan ini dan terus konsisten melipatgandakan ibadah bagi meningkatkan lagi ketakwaan kita kepada Allah Subhanahu Wata'ala. - **Ketua Penyuntingan (Kr)**

Nota : Akhbar Pelita Brunei mengandungi ayat-ayat Al-Quran dan doa-doa. Sila letak akhbar ini di tempat yang sempurna dan terjaga

✉ pelita.brunei@information.gov.bn | ☎ 2382891 / 2383400 Smb. : 217 | 📠 2381004 | 🌐 www.pelitabrunei.gov.bn

دربیتکن اوله جابتن قراغن. جابتن قردان منتری دان دجیتق اوله قرینت قلس سنیدین برحد، نکارابرونی دارالسلام

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Print Plus Sdn. Bhd., Negara Brunei Darussalam



# Manfaatkan kelebihan, ganjaran di bulan Ramadan

Oleh : Nur Amalia Alisha Daud

>> Muka 1

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam seterusnya bertitah, Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam juga bersabda, maksudnya: "Awal Ramadan ialah rahmat, di tengah - tengahnya pengampunan dan di akhirnya bebas dari api neraka". Dengan mengetahui kelebihan-kelebihan ini tegas Kebawah Duli

Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, kita semua tentu sahaja akan bertambah sayang kepada Ramadan dan tanda sayang kita itu, kita akan menghiasinya dengan ibadat-ibadat, selain ibadat puasa sendiri. Titah baginda lagi, terdapat riwayat menyebut, bahawa semua pintu langit dan pintu syurga dibuka pada bulan Ramadan, manakala pintu-pintu neraka pula ditutup dan semua iblis serta syaitan dirantai, supaya

mereka tidak dapat mengganggu kita umat Islam yang sedang berpuasa.

Riwayat lain juga menyebut bahawa siapa yang menghampiri diri kepada Allah Subhanahu Wata'ala, dengan satu sembahyang dalam bulan Ramadan, adalah sama imbangannya dengan 70 sembahyang pada lain-lain bulan. Dan satu sembahyang sunat, sama imbangannya dengan satu sembahyang fardu.

"Demikian hebatnya kelebihan Ramadan. Oleh itu, beta berharap, kita umat Islam, janganlah mengabaikan kelebihan ini dan memanfaatkan

peluang yang cuma datang sekali sahaja dalam setahun dengan melakukan ibadat-ibadat seperti bertadarus Al-Quran, Sembahyang Sunat Tarawih, qiamullail, sedekah dan lain-lain," tegas baginda lagi.

Baginda turut menyentuh mengenai ibadat qiamullail iaitu amalan sunat yang dikerjakan pada waktu malam bagi merapatkan diri kepada Allah Subhanahu Wata'ala yang mana menurut baginda, kita selaku umat Islam perlu terus berusaha untuk menghidupkan malam-malam di bulan Ramadan melalui amalan qiamullail yang dilakukan secara bersendirian atau berjemaah

sama ada dengan keluarga masing-masing atau di masjid dan surau.

Dalam hal ini, Kebawah Duli Yang Maha Mulia amat menghargai usaha berterusan oleh pihak-pihak berkenaan untuk mengadakan ibadat qiamullail secara berjemaah di masjid-masjid, di surau-surau di seluruh negara, lebih-lebih lagi pada sepuluh malam terakhir di bulan Ramadan.

Tegas baginda, terutama yang mahu dipelihara ialah ibadat puasa sendiri iaitu sebulan penuh kita berpuasa, hendaklah sebulan penuh juga puasa kita diterima.

# MAJLIS PEMBUKAAN TADARUS AL-QURAN SEMARAKKAN BULAN RAMADAN

Oleh : Marlinawaty Hussin  
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas

>> Muka 1

Demikianlah juga pintu-pintu masjid, surau dan balai ibadat di seluruh negara dibukakan bagi umat Islam untuk beriktikaf di dalamnya, baik secara individu mahupun bersama keluarga bagi menggandakan amal ibadat serta menyemarakkan Ramadan dengan menyertai pelbagai aktiviti keagamaan yang disediakan sepanjang Ramadan.

Tadarus Al-Quran di masjid-masjid, surau dan balai ibadat adalah merupakan salah satu aktiviti takmir di bulan Ramadan yang mendapat sambutan masyarakat Islam di negara ini tanpa mengira peringkat umur dalam sama-sama memperdengarkan bacaan Al-Quran sekali gus mendekatkan diri dengan Al-Quran dan menyemarakkan bulan yang penuh berkat dengan amal ibadat semata-mata bagi meraih keampunan daripada Allah Subhanahu Wata'ala.

Sehubungan dengan itu, Majlis Pembukaan Tadarus Al-Quran Bagi Masjid, Surau, Balai Ibadat Seluruh Negara diadakan di Jame'

'Asr Hassanil Bolkiah, Kampung Kiarong malam tadi.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis berkenaan, Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman.

Turut hadir ialah Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan; Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), Awang Haji Mohammad Rosli bin Haji Ibrahim; Ra'es Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan, Profesor Madya Dr. Awang Haji Abdul Nasir bin Haji Abdul Rani; Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap (Pentadbiran dan Kewangan) KHEU, Awang Misle bin Haji Abdul Karim; dan Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Keagamaan), KHEU, Awang Haji Shamshol bin Haji Omar.

Majlis Pembukaan Tadarus Al-Quran Bagi Masjid, Surau, Balai Ibadat Seluruh Negara dikendalikan oleh KHEU melalui Jabatan Hal Ehwal Masjid dengan kerjasama Ahli Jawatankuasa Takmir Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah,



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Pembukaan Tadarus Al-Quran Bagi Masjid, Surau, Balai Ibadat Seluruh Negara diadakan di Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah, Kampung Kiarong (atas), manakala gambar bawah kanan, majlis diserikan dengan Tadabbur Al-Quran yang disampaikan oleh Pegawai Perkembangan Ugama, Pusat Da'wah Islamiah, Haji Awang Muhammad Najib bin Haji Awang.

Kampung Kiarong dan Radio Televisyen Brunei.

Acara dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dipimpin oleh Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama, diikuti dengan Tadabbur Al-Quran disampaikan oleh Pegawai Perkembangan Ugama, Pusat Da'wah Islamiah, Haji Awang Muhammad Najib bin Haji Awang.

Tadarus Al-Quran dimulakan

dari Surah Al-Baqarah oleh peserta-peserta yang mengambil bahagian.

Manakala Doa Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam dibacakan oleh Pegawai Masjid, Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah, Kampung Kiarong, Yang Dimuliakan Begawan Pehin Khatib Dato Paduka Haji Suhaili bin Haji Metali Al-Hafiz.



# Pembukaan Tadarus di Istana Nurul Iman



PEMERINTAH Angkatan Bersenjata Diraja Brunei dan Pemangku Pesuruhjaya Polis, Pasukan Polis Diraja Brunei hadir sama pada Majlis Tadarus Malam-malam Bulan Ramadan di Istana Nurul Iman.

Oleh : Haniza Abdul Latif  
Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 2 Mac. - Majlis Tadarus Malam-malam Bulan Ramadan di

Istana Nurul Iman bagi malam pertama diadakan di Surau Istana Nurul Iman, di sini.

Hadir sama pada majlis tersebut ialah Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB), Mejar Jeneral Dato Paduka Seri Haji Muhammad Haszaimi bin Bol Hassan dan Pemangku Pesuruhjaya Polis, Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB), DCP Dato Seri Pahlawan Awang Sulaiman bin Alidin.

Majlis dimulakan dengan Sembahyang Fardu Isyak dan Sembahyang Sunat Tarawih Berjemaah, diikuti dengan bacaan Surah Al-Fatihah yang dipimpin oleh Yang Dimuliakan Begawan Pehin Khatib Haji Awang Mat Jaya bin Haji Ibrahim.

Kemudian, majlis disusuli dengan bacaan Tadarus Al-Quran dan diakhiri dengan bacaan Doa Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam. Terdahulu, majlis turut diserikan dengan tazkirah bertajuk 'Fadilat Membaca Al-Quran' yang disampaikan oleh Pegawai Perkembangan Ugama, Pusat Da'wah Islamiah (PDI), Awang Ahmad Muzhafar bin Marsidi.

Sementara itu, di surau berasingan bagi jemaah perempuan, tazkirah disampaikan oleh Penguasa Dakwah dan Tabligh, PDI, Pengiran Norhayati binti Pengiran Haji Kasharan.



ANTARA yang hadir pada Majlis Tadarus berkenaan.



## MESYUARAT PERTAMA DARI MUSIM PERMESYUARATAN KE-21 MAJLIS MESYUARAT NEGARA



# BIDANG PENDIDIKAN TERUS MENUNJUKKAN TREND PENINGKATAN



**YANG** Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II.

>> Muka 1

“Belanjawan ini bukan hanyalah sekadar perancangan tahunan, ia adalah langkah strategik yang berterusan ke arah mencapai matlamat Wawasan Brunei 2035 dan satu komitmen bersama untuk memastikan kemakmuran dan kedayatahan negara yang berterusan.

“Sebagai permulaan, kaola ingin memohon izin untuk terlebih dahulu mengongsikan beberapa

inisiatif, projek dan pencapaian serta peluang-peluang yang disediakan oleh kerajaan bagi rakyat dan penduduk di negara ini ke arah mencapai matlamat Wawasan Brunei 2035,” kata Yang Berhormat semasa membentangkan Kertas Cadangan Rang Undang-undang (2025) Perbekalan 2025/2026 pada hari ketiga Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-21 Majlis Mesyuarat Negara (MMN) bagi Tahun 1446 Hijrah / 2025 Masihi yang berlangsung di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, di sini.

Menurut Yang Berhormat, tahun 2025 menandakan hanya tinggal 10 tahun sahaja lagi untuk kita mencapai aspirasi besar negara, Wawasan Brunei 2035. Alhamdulillah, pelbagai projek dan inisiatif telah dilaksanakan yang menghasilkan pencapaian membanggakan dan menjadi asas kukuh untuk kita bergerak ke hadapan.

Antara kejayaan utama dalam mencapai Wawasan Brunei 2035 tambah Yang Berhormat, di bawah matlamat pertama, Alhamdulillah, pencapaian pelajar dalam peperiksaan awam, termasuk pendidikan agama, terus menunjukkan trend peningkatan. Usaha memperkukuh literasi dan

numerasi juga diperkasa melalui pelbagai inisiatif, termasuk pelaksanaan standard kebangsaan dan program sokongan akademik yang lebih berstruktur.

Dalam prestasi institusi pendidikan tinggi kata Yang Berhormat, kita juga melihat perkembangan yang menggalakkan dalam pengiktirafan institusi di peringkat global yang mencerminkan usaha berterusan dalam memastikan kualiti akademik bertaraf dunia antaranya Universiti Brunei Darussalam (UBD) telah mencapai kedudukan ke-142 dalam *ranking* global daripada 749 universiti yang disenaraikan, berdasarkan Times Higher Education (THE) Interdisciplinary Science Rankings 2025, dengan memperoleh pencapaian dalam kalangan Asia Tenggara.

UBD School of Business and Economics pula jelas Yang Berhormat lagi, telah menerima akreditasi berprestij Association to Advance Collegiate Schools of Business (AACSB), menjadikan sebahagian daripada kumpulan elit sekolah perniagaan yang memenuhi piawaian kecemerlangan global.

Dalam masa yang sama kata Yang Berhormat, Universiti Teknologi Brunei (UTB) telah

Oleh : Srinarawie Bidzah

Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi, Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

menguatkan kedudukannya sebagai salah sebuah institusi terkemuka dalam pendidikan tinggi yang mencerminkan komitmennya terhadap kecemerlangan akademik dan inovasi di peringkat Asia Tenggara yang kompetitif.

“UTB telah memasuki peringkat global dalam THE World University Rankings 2025, di mana UTB berjaya menduduki kedudukan antara 801 hingga 1,000 terbaik di dunia; dan menduduki tangga 23 teratas di ASEAN.

“Manakala di bawah World University Rankings 2025 by Subjects, UTB berjaya menduduki kedudukan antara 601 hingga 800 terbaik di dunia bagi jurusan Kejuruteraan. Pencapaian ini adalah melalui strategi-strategi inovatif yang diperkenalkan oleh UTB, terutamanya dengan penubuhan Pejabat UTB Global.

“UNISSA juga telah berjaya meningkatkan kedudukannya dalam World University Ranking for Innovation (WURI) dengan meraih kedudukan ke-221 secara keseluruhannya.

“Pengiktirafan antarabangsa ini akan mengukuhkan peranan

UNISSA sebagai peneraju dalam menyediakan kurikulum dan penyelidikan Islam berkualiti tinggi di peringkat nasional dan global,” jelas Yang Berhormat.

Yang Berhormat seterusnya berkata, kedudukan negara dalam Programme for International Student Assessment (PISA), iaitu sebuah penilaian antarabangsa yang mengukur keupayaan pelajar-pelajar yang berumur 15 tahun dalam bacaan, Sains dan Matematik pada tahun 2022 telah meningkat bagi ketiga-tiga domain, berbanding pencapaian pada tahun 2018.

Kadar pencapaian dalam Literasi dan Numerasi berdasarkan Student Learning Survey terang Yang Berhormat, juga menunjukkan peningkatan yang membanggakan, di mana literasi penuntut-penuntut Tahun 1 dan Tahun 3 pada tahun 2023 masing-masing telah mencapai 95 peratus dan 98 peratus.

Manakala ujar Yang Berhormat, pencapaian numerasi pada tahun 2023 bagi penuntut-penuntut Tahun 1 dan Tahun 3 masing-masing telah mencapai 85 peratus dan 75 peratus.

## Memperluaskan sumber import, tingkatkan pengeluaran tempatan

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Sabtu, 1 Mac. - Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah berkata, penyediaan Rang Anggaran Belanjawan Negara bagi Tahun Kewangan 2025/2026 ini berdasarkan kepada analisis dan penilaian yang telah dibuat ke atas prospek ekonomi global dan Negara Brunei Darussalam (NBD); keutamaan perbelanjaan kerajaan; serta kemampuan kewangan kerajaan untuk membiayai perbelanjaan-perbelanjaan berkenaan.

Dalam dunia yang semakin saling terhubung, ekonomi NBD tidak terkecuali daripada kesan perubahan global, terutamanya dalam sektor perdagangan dan pelaburan. Laporan World Economic Outlook yang diterbitkan oleh International Monetary Fund (IMF) keluaran Januari 2025 memberikan gambaran tentang unjuran ekonomi global yang dijangka berkembang secara positif pada kadar 3.3 peratus bagi tahun 2025 dan 2026. Unjuran ini masih di bawah kadar purata 3.7 peratus bagi tempoh di antara

tahun 2000 sehingga tahun 2019.

Bagi NBD, kadar pertumbuhan ekonomi bagi tahun 2025 dijangka meningkat di antara sebanyak 2.4 hingga 3.4 peratus. Unjuran institusi kewangan antarabangsa seperti IMF, ASEAN Plus 3 Macroeconomic Research Office atau AMRO dan Asian Development Bank atau ADB juga telah menunjukkan keyakinan terhadap prospek ekonomi negara, iaitu masing-masing mengunjurkan pertumbuhan yang positif pada kadar 2.5 peratus; 2.1 peratus; dan 2.8 peratus.

“Unjuran ini mengambil kira usaha-usaha pemulihan dan pempelbagaian ekonomi yang dilaksanakan khususnya pengeluaran produk industri hiliran minyak dan gas (*downstream*) serta aktiviti-aktiviti berkaitan dari Syarikat Hengyi Industries Sdn. Bhd., Brunei Methanol Company Sdn. Bhd. (BMC) dan Syarikat Brunei Fertilizer Industries Sdn. Bhd. (BFI).

“Namun, sebagai negara yang kecil dan terbuka, risiko ketidakstabilan geopolitik yang kian meningkat berpotensi menyebabkan gangguan dalam pasaran tenaga global serta

rantaian bekalan. Selain itu, negara juga akan turut terkesan daripada situasi ekonomi rakan-rakan dagang utama, yang akan memberi kesan langsung kepada perdagangan dan pelaburan negara.

“Inflasi global dijangka terus menurun daripada 5.8 peratus pada tahun 2024 kepada 4.3 peratus pada tahun 2025. Walaubagaimanapun, beberapa cabaran masih wujud termasuk kos pembiayaan yang tinggi, ketidakpastian geopolitik dan fragmentasi perdagangan. Negara tidak terkecuali daripada terkesan kerana hampir 70 peratus barangan negara adalah diimport.

“Kebergantungan tinggi kepada import, khususnya makanan, menjadikan negara mudah terjejas oleh gangguan rantaian bekalan, kenaikan harga bahan api, cuaca dan dasar perdagangan negara pengeksport. Oleh itu, kita perlu memperluaskan sumber import dan meningkatkan pengeluaran tempatan bagi memastikan kestabilan harga dan bekalan,” ujar Yang Berhormat pada Pembentangan Kertas Cadangan Rang Undang-undang (2025) Perbekalan 2025/2026 pada hari

ketiga Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-21 Majlis Mesyuarat Negara (MMN) bagi Tahun 1446 Hijrah / 2025 Masihi yang berlangsung di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, di sini.

Menurut Yang Berhormat, IMF juga menjangkakan perdagangan global berkembang sebanyak 3.2 peratus pada tahun 2025, di sebalik peningkatan fragmentasi ekonomi. Kesan daripada peningkatan perlindungan perdagangan dan peralihan kepada perdagangan intra-blok boleh mengurangkan kecekapan perdagangan global, meningkatkan kos dan menjejaskan daya tahan rantaian bekalan - khususnya bagi sektor pembuatan dan tenaga.

Dalam masa yang sama kata Yang Berhormat, kebergantungan negara kepada eksport minyak dan gas menjadikan pendapatan kerajaan terdedah kepada ketidakpastian harga minyak. Oleh itu, dalam keadaan perdagangan global yang sederhana, permintaan terhadap produk eksport negara juga boleh terjejas.

Tambah Yang Berhormat lagi, usaha memperkukuh kepelbagaian ekonomi mesti

terus dipercepatkan. Kita mesti memastikan bahawa produk eksport di luar sektor minyak dan gas akan dapat lebih berdaya saing di peringkat antarabangsa, demi mencapai pertumbuhan mampan.

Menurut Yang Berhormat, ekonomi global kini melalui perubahan pesat, dipacu oleh kemajuan teknologi, peralihan landskap tenaga dan keperluan mendesak untuk memberi keutamaan kepada kelestarian alam sekitar atau *environmental sustainability*. Ke arah itu, kita juga perlu mengambil tindakan yang bersesuaian agar negara ini tidak ketinggalan dan kekal berdaya saing, di samping bersedia menghadapi risiko-risiko realiti iklim baharu dan kemajuan teknologi seperti Artificial Intelligence dan Cybersecurity.

“Oleh itu, belanjawan tahunan akan perlu disediakan dengan lebih bijak dengan mengambil kira perubahan-perubahan berkenaan, seperti penyediaan *green infrastructure* dan memasukkan elemen-elemen alam sekitar, sosial dan tadbir urus atau Environment, Social and Governance,” ujar Yang Berhormat.



## MESYUARAT PERTAMA DARI MUSIM PERMESYUARATAN KE-21 MAJLIS MESYUARAT NEGARA



**YANG** Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II.

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Sabtu, 1 Mac. - Kerajaan juga akan meneruskan usaha untuk memupuk hubungan yang lebih kukuh dengan rakan kongsi antarabangsa bagi meningkatkan akses kepada pasaran baharu, peluang pelaburan dan teknologi terkini bagi membantu sektor-sektor industri tempatan.

Syarikat-syarikat tempatan adalah diseru untuk merebut peluang-peluang daripada hasil kerjasama ekonomi tersebut dengan mengambil bahagian dalam rantaian nilai serantau dan global, sekali gus meningkatkan daya saingnya dalam pasaran global.

## NBD TERUS MEMUPUK HUBUNGAN KUKUH DENGAN RAKAN KONGSI ANTARABANGSA

Oleh itu, beberapa perkembangan terkini bagi Perjanjian - perjanjian Perdagangan Bebas antaranya kerajaan meratifikasi Protocol on the Accession of the United Kingdom of Great Britain and Northern Ireland to Comprehensive and Progressive Agreement for Trans Pacific Partnership (CPTPP) dan telah berkuat kuasa pada 15 Disember 2024.

Dengan adanya United Kingdom (UK) sebagai ahli CPTPP ini, ia dijangka akan membuka lebih banyak peluang-peluang perdagangan dan pelaburan di antara Negara Brunei Darussalam (NBD) dan UK. CPTPP akan membuka akses pasaran kepada 600 juta orang penduduk dengan jumlah keseluruhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) yang mencapai lebih kurang USD13.5 trilion.

Perkara berkenaan dikongsikan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah semasa membentangkan Kertas Cadangan Rang Undang-undang (2025) Perbekalan 2025 / 2026 pada

hari ketiga Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-21 Majlis Mesyuarat Negara bagi Tahun 1446 Hijrah / 2025 Masihi di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis.

Tambah Yang Berhormat lagi, Kementerian Kewangan dan Ekonomi (MOFE) selaku agensi yang menerajui perundingan CPTPP dan perjanjian - perjanjian perdagangan yang sedia ada, akan terus giat mengadakan sesi pembarigian dan perjumpaan bersama dengan pihak-pihak yang berkepentingan, terutamanya pihak swasta dan pengusaha tempatan dengan tujuan meningkatkan lagi pengetahuan mengenai faedah-faedah yang boleh dimanfaatkan melalui perjanjian-perjanjian ini.

Pada 24 Julai 2024 lalu jelas Yang Berhormat, MOFE telah mengadakan satu Sesi Stakeholder Engagement dengan kerjasama Hal Ehwal Global Kanada dan Jabatan Perniagaan dan Perdagangan, UK. Sesi tersebut telah dihadiri oleh kira-kira 100 peserta yang terdiri daripada sektor swasta dan agensi kerajaan dan bertujuan untuk menyediakan platform bagi membarigakan dan mempromosikan kegunaan

Oleh : Srinarawie Bidzah

Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi, Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

CPTPP, beserta menyediakan peluang rangkaian atau *networking opportunities* bagi syarikat dan agensi yang hadir.

Bagi mempertingkatkan pentadbiran perkhidmatan percukaian dan seterusnya mempermudah persekitaran perniagaan di NBD, MOFE telah pun melaksanakan beberapa inisiatif untuk memmodernkan proses pemfailan dan penaksiran cukai termasuk menggubal dan membuat pindaan undang-undang.

"Satu modul tambahan telah diperkenalkan di bawah One Common Portal - System for Tax Administration and Revenue Services (OCP STARS), iaitu pemfailan Amended Tax Returns mulai Tahun Taksiran 2025. Kemudahan ini disediakan secara *online* melalui OCP STARS bagi membolehkan pihak syarikat - syarikat pembayar Cukai Korporat untuk mendapatkan secara sukarela pemfailan Amended Tax Return.

"Seterusnya, ke arah

mendukung penghasilan produk dan perkhidmatan berkualiti, dan bagi memastikan produk-produk keluaran negara diiktiraf, selamat dan mudah diterima oleh pasaran global, Majlis Standard dan Akreditasi Brunei Darussalam telah pun diaktifkan semula mulai bulan Februari 2024.

"Peranan majlis ini adalah untuk menangani isu-isu berkaitan dasar, program dan aktiviti-aktiviti standard dan akreditasi. Dengan pengaktifan semula majlis ini, peranan Pusat Standard Kebangsaan (PSK) juga diperkembangkan dan kini dikenali sebagai Pusat Standard dan Akreditasi Brunei Darussalam (PSABD).

"Penambahbaikan ini merangkumi bidang akreditasi, mengambil kira kepentingannya dalam memastikan sijil-sijil kualiti yang dikeluarkan sepanjang proses Global Value Chain (GVC) bagi perdagangan global memenuhi piawaian yang diiktiraf di peringkat antarabangsa," ujar Yang Berhormat lagi.

## PPB, PPTM bantu meningkatkan kemahiran, kebolehpasaran tenaga kerja tempatan

Oleh : Nurul Rasyidah Mohamad Rosland

Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi, Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Sabtu, 1 Mac. - Beberapa inisiatif telah dikendalikan oleh Pusat Pekerjaan Brunei (PPB) dan Pejabat Perancangan Tenaga Manusia (PPTM) bagi menyokong usaha untuk meningkatkan kemahiran dan kebolehpasaran tenaga kerja tempatan.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah menyatakan perkara tersebut semasa membentangkan Kertas Cadangan Rang Undang-undang (2025) Perbekalan 2025 / 2026 pada hari ketiga Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-21 Majlis Mesyuarat Negara (MMN) bagi Tahun 1446 Hijrah / 2025 Masihi yang berlangsung di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, di sini.

Antaranya ialah Clinical Supervisory Programme iaitu hasil kerjasama dengan Kementerian Kesihatan bagi graduan baharu dalam bidang Allied Health Professionals (AHP). Program tersebut di bawah Structure Apprenticeship Program bertujuan

bagi membolehkan AHP yang mempunyai Pendaftaran Bersyarat (Conditional Registration) untuk memenuhi kriteria dan mendapatkan status pendaftaran penuh dan seterusnya menjadi AHP practitioner. Kohort pertama program tersebut telah bermula pada bulan Oktober 2024 dan disertai oleh 18 peserta.

"Program Skim Technical Vocational Education and Training (TVET) yang dijalankan dengan kerjasama Kementerian Pendidikan bagi meningkatkan kelulusan dan kemahiran anak-anak tempatan untuk menjadi lebih *employable* dan *marketable* serta mendukung inisiatif bagi mengurangkan kadar pengangguran terutamanya dalam kalangan belia.

"Sebanyak tiga pengambilan sedang dilaksanakan dan dijalankan oleh Institut Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) di mana seramai 193 pelajar telah dianugerahkan biasiswa kerajaan dan setakat ini seramai 139 pelajar sedang menjalani kursus.

"Manakala bagi pengambilan ketiga yang bermula pada bulan Oktober 2024 telah disertai oleh

seramai 51 pelajar telah disokong untuk menjalankan kursus-kursus yang ditawarkan di dua institusi pengajian," jelas Yang Berhormat.

Yang Berhormat seterusnya berkata melalui Program Study in Professional Institution (SPIN) in Accountancy telah mula dilaksanakan pada tahun 2021 dan seramai 54 orang pada masa ini sedang menjalani program tersebut, iaitu masing-masing untuk mendapatkan pensijilan ACCA (Association of Certified Chartered Accountants), CAT (Certified Accounting Technicians) dan FIA (Foundation in Accountancy).

Tambah Yang Berhormat lagi, PPB dan PPTM akan terus giat melaksanakan program-program pembangunan tenaga kerja yang sedia ada, serta memperkenalkan beberapa program baharu pada tahun 2025 seperti Program perantisan baharu TechInspire, yang merupakan hasil kerjasama dengan AITI melalui Manpower Industry Steering Committee Working Group di bawah sektor ICT, dijangka akan dilaksanakan pada suku pertama 2025 ini.

Pelatih program tersebut jelas Yang Berhormat, akan menjalani latihan secara sepenuh masa selama lapan bulan, iaitu dua

bulan bagi latihan pensijilan untuk kemahiran teknikal dan *softskills*, manakala enam bulan menjalani *on-the-job training*. Bagi kohort pertama, seramai 30 anak tempatan dijangka untuk menjalani latihan bagi jawatan IT Technician dan Network Technician serta Program SkillsPlus akan diteruskan pada tahun 2025 dengan memperkenalkan beberapa kursus-kursus baharu mengikut keperluan industri.

"Manakala pembarigian terus akan diadakan secara berterusan melalui pelbagai platform seperti

Mini Recruitment Drive, Employability Workshop, Pesta Kerjaya, Mukim Connect dan PPB Open Day.

"Para pencari kerja akan dapat berpeluang untuk memahami lebih lanjut mengenai program-program yang ditawarkan oleh PPB, berinteraksi secara langsung dengan agensi-agensinya yang ikut serta, meningkatkan pengetahuan mengenai persediaan menghadiri ujian, temu duga dan sebagainya bagi meningkatkan kebolehpasaran para pencari kerja," ujar Yang Berhormat.



**ANTARA** Yang Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN) hadir pada Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-21 MMN bagi Tahun 1446 Hijrah / 2025 Masihi.



## MESYUARAT PERTAMA DARI MUSIM PERMESYUARATAN KE-21 MAJLIS MESYUARAT NEGARA



# BEBERAPA INISIATIF DIPERKENALKAN DALAM MEMASTIKAN KESIAPSIAGAAN TENAGA KERJA

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Sabtu, 1 Mac. – Universiti Teknologi Brunei (UTB) juga telah memperkenalkan satu program baharu iaitu Doctor of Business Administration pada bulan Januari 2025 yang mana program ini dihasratkan untuk memenuhi keperluan *action research* dalam dunia perniagaan sebenar melalui intervensi-intervensi yang dapat diguna pakai dan seterusnya dapat menyumbang kepada komuniti perniagaan dan pembangunan ekonomi negara, selaras dengan Wawasan Brunei 2035 bagi mempelbagaikan ekonomi dan menjadikan Negara Brunei Darussalam sebuah ekonomi yang

berasaskan pengetahuan. Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah mengongsikan perkara tersebut semasa menyampaikan Pembentangan Kertas Cadangan Rang Undang-undang (2025) Perbekalan 2025/2026 pada hari ketiga Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-21 Majlis Mesyuarat Negara (MMN) bagi Tahun 1446 Hijrah / 2025 Masihi yang berlangsung di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, di sini. Jelas Yang Berhormat lagi, bagi membangun modal insan

Oleh : Nurul Rasyidah Mohamad Rosland  
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi, Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

yang berkemahiran tinggi serta memacu inovasi dan pembangunan negara dalam era digital, institusi-institusi pendidikan tinggi di negara ini telah memperkenalkan beberapa program dan inisiatif dalam memastikan kesiapsiagaan tenaga kerja yang *future-ready*, dilengkapi dengan pengetahuan dan kemahiran dalam sains data di pelbagai sektor, antaranya Bachelor of Digital Science di Universiti Brunei Darussalam, Bachelor of Science (Hons) in Computing iaitu Major in Software Development atau Major in Data Analytics di UTB dan beberapa program Diploma di bawah Politeknik Brunei melalui School of Information and Communication Technology termasuk Diploma in Data Analytics.

“Bagi mendukung hasrat negara untuk membangun satu sistem pendidikan kelas pertama dan memberikan pendidikan holistik bagi melahirkan rakyat

yang berpendidikan, berkemahiran tinggi dan berjaya, peruntukan sejumlah BND221.1 juta akan disediakan bagi sektor pendidikan di bawah Perbelanjaan Berulang-ulang pada Tahun Kewangan 2025/2026, iaitu termasuk untuk meningkatkan taraf dan pencapaian pendidikan di negara ini, kerajaan akan terus menghulurkan biasiswa melalui Kementerian Pendidikan dan Kementerian Hal Ehwal Ugama.

“Inisiatif ini bertujuan untuk meningkatkan kebolehpasaran dan pembangunan kapasiti serta latihan kemahiran pelajar-pelajar untuk melanjutkan pengajian tinggi di institusi terkemuka dunia, melaksanakan kerja-kerja penyelidikan di bawah Institusi Pengajian Tinggi Awam dan selain itu peruntukan akan terus disediakan bagi mengendalikan Bantuan Keperluan Persekolahan Tahunan untuk meringankan beban para ibu bapa dan penjaga yang kurang berkemampuan untuk membeli keperluan persekolahan pelajar-pelajar,” ujar Yang Berhormat lagi.

Ke arah usaha dalam menyediakan tenaga kerja tempatan yang berdaya maju agar sejajar dengan keperluan bidang pekerjaan dan industri



**YANG** Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II.

semasa dan juga masa hadapan terang Yang Berhormat, peruntukan sejumlah BND19.21 juta akan disediakan di bawah Pusat Pekerjaan Brunei, Jabatan Perdana Menteri bagi mengendalikan program-program SKIPPA, Skim TVET, Skillsplus, SPIN in Accountancy dan Tradeskills.

Di samping peruntukan-peruntukan yang telah dikongsikan tambah Yang Berhormat, kerajaan juga menyediakan peruntukan sejumlah BND27.5 juta di bawah Projek Fokus khusus untuk membiayai program atau projek yang menjurus kepada mendukung fokus belanjawan Negara Tahun Kewangan 2025/2026.



**ANTARA** yang hadir pada persidangan tersebut.

## 305 projek dapat dilaksanakan pada RKN12

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Sabtu, 1 Mac. – Jumlah Harga Rancangan-rancangan Kemajuan Negara Ke-12 (RKN12) secara keseluruhan bagi tempoh lima tahun (2024 hingga 2029) adalah sebanyak BND4 bilion bagi 305 projek berpandukan kepada Manpower Blueprint dan Economic Blueprint selaras dengan matlamat-matlamat yang digariskan di dalam Wawasan Brunei 2035.

Penyediaan peruntukan tersebut adalah sebagai bukti dan menggambarkan dukungan kukuh kerajaan ke atas usaha-usaha dalam agenda pembangunan negara dan memberikan impak positif kepada pembangunan negara serta dapat memupuk pertumbuhan ekonomi yang inklusif.

“Alhamdulillah, setakat 26 Februari 2025, sebanyak BND126,213,786.74 iaitu 25.24 peratus daripada BND500 juta yang diperuntukkan pada Tahun Kewangan 2024/2025 telah dibelanjakan manakala 22 buah projek telah siap dilaksanakan dan sebanyak 65 buah projek dalam pelaksanaan,” ujar Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah semasa Pembentangan Kertas Cadangan

Peruntukan Wang Kemajuan 2025/2026 pada hari ketiga Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-21 Majlis Mesyuarat Negara (MMN) bagi Tahun 1446 Hijrah / 2025 Masihi yang berlangsung di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, di sini.

Sementara itu tambah Yang Berhormat, sebanyak 172 projek masih dalam peringkat awal yang mana 48 peratus daripadanya iaitu 83 projek masih lagi dalam perancangan kementerian-kementerian yang empunya projek dan 22 projek yang telah siap adalah bagi mendukung kluster-kluster tertentu.

Perbelanjaan tahun pertama jelas Yang Berhormat, lazimnya masih di tahap rendah antaranya memandangkan kementerian-kementerian empunya projek akan terlebih dahulu memastikan strategi pelaksanaan projek adalah teratur dan sempurna menurut peraturan-peraturan kerajaan yang berkuat kuasa pada masa ini dan akan mendatangkan nilai tambah, mencapai keberhasilan yang telah dirancang dengan perbelanjaan yang berhemat dan secara optimum.

Oleh yang demikian kata Yang Berhormat, dengan peruntukan pada Tahun Kewangan 2025/2026 yang telah disediakan dihasratkan akan dapat

mempercepatkan dan memacu pelaksanaan projek-projek RKN.

Terdahulu, Yang Berhormat menyembahkan setinggi-tinggi menjunjung kasih di atas kurnia titah-titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa Majlis Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-21 MMN Bagi Tahun 1446H/2025M antara lainnya bagi memperkasa usaha - usaha bagi mempelbagaikan ekonomi

termasuk menggalakkan lebih banyak aktiviti ekonomi baharu seperti aktiviti pelancongan, pertanian, kesihatan, keselamatan, perkhidmatan awam dan industri-industri baharu yang akan juga memberikan kesan limpahan positif untuk peniaga-peniaga tempatan dan memacu lagi pertumbuhan ekonomi negara.

Pada menjunjung titah-titah nasihat Kebawah Duli Yang Maha Mulia tersebut, dalam sama-sama menuju Wawasan Brunei 2035, kerajaan akan terus bekerjasama secara Whole of

Government bagi memastikan projek-projek RKN akan berjalan dengan lancar dan sempurna mengikut garis masa yang telah ditetapkan ke arah mencapai kemajuan dan kepelbagaian ekonomi dengan penyediaan prasarana dan infrastruktur serta kemudahan-kemudahan asas demi menyokong pertumbuhan industri-industri dan sektor ekonomi baharu disamping untuk memperkasa sumber tenaga manusia dan bagi menjaga kesejahteraan dan kebajikan negara.



**SEBAHAGIAN** yang hadir mendengarkan persidangan berkenaan.



# MESYUARAT PERTAMA DARI MUSIM PERMESYUARATAN KE-21 MAJLIS MESYUARAT NEGARA



## SEKTOR PERTANIAN, PERIKANAN, PENTERNAKAN TONGGAK PENTING MEMBANGUNKAN EKONOMI



**YANG** Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II.

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Sabtu, 1 Mac. - Sektor pertanian, perikanan dan penternakan terus menjadi tonggak penting dalam usaha kita membangunkan ekonomi yang mampan dan berdaya tahan.

Dengan kerjasama strategik antarabangsa, inisiatif tempatan yang inovatif, dan pelaburan dalam teknologi moden, sektor ini bukan sahaja akan menjamin keselamatan makanan tetapi juga menyumbang kepada pembangunan sosioekonomi dan

peningkatan daya saing negara di peringkat serantau dan global.

Demikian dinyatakan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah semasa Pembentangan Kertas Cadangan Rang Undang-undang (2025) Perbekalan 2025/2026 pada hari ketiga Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-21 Majlis Mesyuarat Negara (MMN) di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis.

Pada pembentangan tersebut, Yang Berhormat menjelaskan kerajaan akan terus berusaha untuk memastikan sektor ini menjadi penyumbang utama dalam menjamin keselamatan makanan negara, dengan memberi tumpuan kepada meningkatkan produktiviti dan pengeluaran domestik, sekali gus mengurangkan kebergantungan kepada import.

Langkah tersebut juga ujar Yang Berhormat merupakan pendekatan proaktif untuk menangani pelbagai cabaran luaran, termasuk perubahan iklim, bencana alam, geopolitik, dan inflasi.

Kerajaan melalui Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan jelas Yang Berhormat kini mengendalikan

sebanyak 70 Kawasan Kemajuan Pertanian (KKP) untuk menyokong keperluan perniagaan dalam sektor ini.

"Setakat Disember 2024, sebanyak 37 peratus, atau 26 KKP, telah lengkap dengan infrastruktur yang diperlukan bagi menyokong aktiviti-aktiviti pertanian secara lebih efektif.

"Pembangunan ini mencerminkan usaha berterusan kerajaan dalam menyediakan kemudahan moden dan bersesuaian untuk menyokong peningkatan produktiviti dan daya saing sektor pertanian," ujar Yang Berhormat.

Dalam memperkukuh kerjasama antarabangsa, Yang Berhormat menjelaskan kerajaan baru-baru ini menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) dengan Kementerian Pertanian dan Hal Ehwal Luar Bandar, Republik Rakyat China.

MoU ini tambah Yang Berhormat, memberi tumpuan kepada penyelidikan dan pembangunan dalam sektor padi, tanaman, dan ternakan, serta potensi penubuhan Pusat Penyelidikan Beras Kebangsaan ataupun National Rice Research Centre. Kerjasama ini juga akan memperkenalkan benih padi hibrid hasil tinggi dan memperkasa kepakaran teknikal untuk mengukuhkan rantai nilai

Oleh : Hezlinawati Haji Abdul Karim

Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi, Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

beras negara.

Untuk meningkatkan efisiensi pengeluaran beras pula, Yang Berhormat mengongsikan Wasan Milling Company Sdn. Bhd., sebuah lagi syarikat GLC, telah mengambil alih operasi pengisaran padi pada bulan Ogos 2022 yang lalu. Syarikat tersebut sedang menaik taraf fasiliti pengisaran padi, termasuk pembinaan fasiliti pengeringan padi ataupun *vertical dryer* dan penyimpanan padi (silo) yang dijangka siap pada pertengahan tahun 2025 ini. Kapasiti pengisaran akan meningkat daripada tiga metrik tan sejam kepada 10 metrik tan sejam.

Sebagai tambahan ujar Yang Berhormat lagi, Wasan Milling Company bercadang untuk mengimport bahan mentah seperti beras belum dikisar untuk diproses dan dijual di pasaran tempatan, sebagai langkah untuk memaksimumkan penggunaan fasiliti pengisaran tersebut dan meningkatkan tahap sara diri beras negara.

Sementara itu, untuk menyokong sektor pertanian dan perikanan, Yang Berhormat menjelaskan beberapa peruntukan akan disediakan di bawah Perbelanjaan

Berulang-ulang antaranya pembelian benih-benih padi hybrid di bawah Skim Pembelian Semula Padi untuk penjualan kepada peladang-peladang padi, bagi meningkatkan lagi pengeluaran beras negara; dan projek-projek seperti pembinaan dan kerja-kerja melabuh *takat-takat* tiruan dan *lawa-lawa* bagi mendukung usaha meningkatkan hasil pengeluaran di bawah sektor perikanan.

Dalam usaha memperkukuh keselamatan makanan dan meningkatkan penggantian import (*import substitution*) bagi sumber makanan negara, Yang Berhormat berkata kerajaan melalui Lembaga Kemajuan Ekonomi Brunei atau BEDB sedang menarik minat syarikat-syarikat pelaburan langsung asing untuk menubuhkan perniagaan mereka dalam sektor makanan di negara ini.

"Langkah ini bukan sahaja untuk meningkatkan kapasiti penghasilan dan pengeksportan makanan tempatan, tetapi juga akan dapat menyumbang kepada penjanaaan peluang pekerjaan yang bermakna," ujar Yang Berhormat lagi.

## Projek utama sektor hiliran minyak, gas terus berkembang

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Sabtu, 1 Mac. - Seiring dengan pertumbuhan pelaburan asing, projek-projek utama dalam sektor hiliran minyak dan gas terus berkembang, termasuk pelaburan berimpak tinggi seperti yang dilaksanakan oleh beberapa buah syarikat.

Ini termasuklah Syarikat Hengyi Sdn. Bhd. yang telah menilai semula Kajian Kebolehlaksanaan (Feasibility Study) Fasa 2 bagi mengoptimumkan skop projek, meningkatkan prestasi kewangan, dan memenuhi permintaan pasaran.

Berdasarkan penelitian ini, fasa kedua ini meliputi perancangan untuk meningkatkan lagi kapasiti pemrosesan loji dari 8 juta metrik tan kepada 12 juta metrik tan setahun.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah pada membentangkan Kertas Cadangan Rang Undang-undang (2025) Perbekalan 2025 / 2026 pada hari ketiga Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-21 Majlis Mesyuarat Negara (MMN) yang berlangsung di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis berkata, perjanjian usaha sama di antara pihak kerajaan melalui

Strategic Development Capital Fund atau SDC bersama pelabur asing, Liva Chemie Pte. Ltd. telah ditandatangani pada penghujung bulan Julai 2024 bagi penubuhan sebuah syarikat yang baharu, iaitu Polygel Intermediates Sdn. Bhd.

Syarikat ini ujar Yang Berhormat akan mengendalikan projek Asid Asetik dan Anilin di tapak perindustrian Sungai Liang (SPARK), dan akan menambah nilai terhadap bahan-bahan mentah tempatan yang sedia ada daripada syarikat Brunei Fertilizer Industries (BFI), Brunei Methanol Company dan juga Syarikat Hengyi.

"Kilang ini dijangka akan mula beroperasi pada tahun 2027 dan ianya akan memperluaskan lagi peluang untuk pengeluaran produk-produk tambahan yang lain di negara ini," ujar Yang Berhormat lagi.

Yang Berhormat seterusnya berkata, BFI telah mula mengeluarkan produk baja 'urea' pada awal tahun 2022. Setakat 31 Disember 2024, jumlah eksport baja urea telah pun melebihi 2.4 juta metrik tan dengan nilai anggaran lebih daripada USD1 bilion dan dijual ke pasaran negara-negara di rantau Asia Tenggara, Asia Timur, Australia, Afrika Timur dan Amerika Selatan.

"Perluasan Sungai Liang

Industrial Park (SPARK) bagi memperkasa kecekapan logistik dan operasi untuk penyewa yang sedia ada dan baharu, dengan meningkatkan daya tarikan SPARK sebagai

Pelaburan Langsung Asing (FDI) yang bernilai tinggi.

"Selain itu, perbincangan terus diadakan bersama syarikat-syarikat dari beberapa rantau bagi menarik lebih

banyak pelaburan untuk meningkatkan aktiviti ekonomi yang bernilai tinggi, seperti aktiviti-aktiviti Petroleum Intermediate Derivatives," ujar Yang Berhormat lagi.



SUASANA hari ketiga Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-21 Majlis Mesyuarat Negara.



## MESYUARAT PERTAMA DARI MUSIM PERMESYUARATAN KE-21 MAJLIS MESYUARAT NEGARA



# HAB PEMBAYARAN DIGITAL BAKAL DILANCARKAN

Oleh : Hezlinawati Haji Abdul Karim  
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi, Mohd. Zul-Izzi  
Haji Duraman

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Sabtu, 1 Mac. - Sebagai salah satu asas ekonomi digital, satu *flagship project* di bawah Digital Economy Masterplan 2025 telah diperkenalkan iaitu penubuhan National Digital Payments Network Sdn. Bhd. (ndpx).

Ndpix merupakan sebuah syarikat usaha sama di antara Syarikat Darussalam Assets (DA) dan institusi kewangan tempatan iaitu Bank Islam Brunei Darussalam Berhad, Baiduri Bank Berhad dan Perbadanan Tabung Amanah Islam Brunei, bagi menubuhkan sebuah hab pembayaran digital yang akan mengendalikan sistem pembayaran yang pantas (*fast payment system*).

Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah

pada Pembentangan Kertas Cadangan Rang Undang-undang (2025) Perbekalan 2025/2026 pada hari ketiga Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-21 Majlis Mesyuarat Negara (MMN) bagi Tahun 1446 Hijrah / 2025 Masihi di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis seterusnya menjelaskan, hab pembayaran digital itu menawarkan manfaat dan kelebihan yang meluas kepada pelbagai pihak berkepentingan.

"Bagi para pengguna, ia membolehkan pemindahan dana dan transaksi pembayaran dengan mudah, pantas dan selamat. Bagi para peniaga, sistem tersebut boleh mengurangkan kos penerimaan pembayaran digital dan akan meningkatkan kecekapan dalam mengurus perniagaan. Justeru, ini juga akan dapat memanfaatkan

para peniaga terutama Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS) untuk lebih sedia beroperasi secara digital melalui platform e-Commerce ataupun e-Dagang," ujar Yang Berhormat.

Manfaat-manfaat tersebut tambah Yang Berhormat, dijangka akan dapat menyumbang kepada peningkatan prestasi perniagaan dan seterusnya, ekonomi secara keseluruhan yang mana hab tersebut dijangka akan dilancarkan, insyaaAllah, pada bulan Mac 2025 ini.

Selain itu, tambah Yang Berhormat juga mengongsikan bahawa kerajaan sedang giat berusaha untuk mempromosi peluang-peluang dalam sektor teknologi yang sedang pesat berkembang, terutamanya teknologi baru berlandaskan Revolusi Industri 4.0 dan Kecerdasan Buatan (Artificial Intelligence-AI).

Sehingga suku pertama 2025 ujar Yang Berhormat, perbincangan sedang giat

diadakan bersama tiga syarikat inovatif dari Amerika Syarikat dan Singapura yang berhasrat untuk meneroka penubuhan pusat data berasaskan AI di Negara Brunei Darussalam (NBD).

Pihak kerajaan melalui Lembaga Kemajuan Ekonomi Brunei (BEDB) dengan kerjasama Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi (MTIC), Kementerian Kesihatan (MOH), Pihak Berkuasa bagi Teknologi Info-Komunikasi (AITI) dan Syarikat Unified National Networks Sdn. Bhd. (UNN) ujar Yang Berhormat lagi, sedang merangka pelan tindakan bagi penggunaan AI yang berpotensi meningkatkan kecekapan operasi dan produktiviti di NBD.

Manakala sebagai usaha kerajaan untuk mempertingkatkan infrastruktur perdagangan dan logistik negara, iaitu dengan meningkatkan lagi operasi dan kemudahan di Pelabuhan Muara, Yang Berhormat menyatakan satu Pelan Induk Pelabuhan Muara telah disediakan oleh Syarikat Muara Port Company Sdn. Bhd. untuk merealisasikan pembangunan pelabuhan untuk memastikan rangkaian pengangkutan laut adalah cekap, boleh dipercayai dan dapat menarik peluang-peluang pelaburan asing baharu.

"Salah satu rancangan di



**YANG** Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II.

bawah pelan ini adalah untuk mengembangkan dan mengubah suai pelabuhan di mana, insyaaAllah, kedua-dua terminal kontena dan konvensional dirancang untuk diperbaiki dan diperluaskan.

"Projek Muara Port Expansion Plan telah dimulakan dengan satu majlis pecah tanah yang telah diadakan pada bulan Ogos 2024 yang lalu, dan projek ini dijangka akan siap pada tahun 2027, insyaaAllah," jelas Yang Berhormat lagi.

## Kerajaan komited menyediakan infrastruktur berkualiti tinggi, mudah diakses

Oleh : Srinarawie Bidzah  
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi,  
Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Sabtu, 1 Mac. - Tema Belanjawan pada Tahun Kewangan 2023/2024 dan 2024/2025 iaitu 'Bersatu Membina Masa Depan Yang Lebih Makmur' atau 'Building A Prosperous Future Together' adalah dikekalkan lagi untuk kali terakhirnya bagi Tahun Kewangan 2025/2026. Ini adalah untuk memastikan kesinambungan dan pendekatan yang konsisten serta bersepadu dalam pelaksanaan dasar-dasar dan matlamat-matlamat perbelanjaan.

Ia juga dikekalkan untuk meneruskan projek dan inisiatif yang telah dirancang atau sedang dilaksanakan ke arah mencapai sasaran strategik bagi merealisasikan

matlamat-matlamat di bawah Wawasan Brunei 2035.

Tema belanjawan ini memfokuskan kepada tiga keutamaan iaitu pertama, Meningkatkan Kesejahteraan dan Produktiviti Awam; kedua, Memupuk Kepelbagaian Ekonomi Yang Mampan; dan ketiga, Pembangunan Modal Insan yang Dinamik dan Berwawasan.

"Tema ini berperanan sebagai panduan strategik untuk memastikan penggunaan sumber negara secara optima dengan memberi penekanan kepada pembangunan yang mampan dan inklusif bagi membina ekonomi yang dinamik dan berdaya tahan dan seterusnya memastikan kesejahteraan rakyat dan penduduk terus terpelihara.

"Ini termasuk meningkatkan pelaksanaan inisiatif-inisiatif dan projek-projek yang dapat merangsang pertumbuhan ekonomi, mempelbagaikan sektor ekonomi, dan meningkatkan persekitaran perniagaan untuk menarik pelaburan berkualiti, termasuk daripada Syarikat-syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC).

"Usaha-usaha ini penting bagi mewujudkan pekerjaan berkualiti untuk rakyat tempatan, terutamanya dalam sektor swasta," kongsi Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah pada Pembentangan Kertas Cadangan Rang Undang-undang (2025) Perbekalan 2025/2026 pada hari ketiga Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-21 Majlis Mesyuarat Negara (MMN) bagi Tahun 1446 Hijrah / 2025 Masihi yang berlangsung di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, di sini.

Menurut Yang Berhormat, kerajaan juga akan terus komited dengan menyediakan infrastruktur yang berkualiti tinggi dan mudah diakses bagi memudahkan aktiviti ekonomi, di samping menumpukan kepada pendidikan inklusif.

Ini tambah Yang Berhormat, bertujuan untuk melahirkan individu yang berkemahiran, *employable* dan bersedia untuk masa depan, selaras dengan keperluan industri, sekali gus menyumbang kepada produktiviti negara.

## Memperkukuh pembangunan modal insan

Oleh : Hezlinawati Haji Abdul Karim

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Sabtu, 1 Mac. - Kerajaan akan terus memberi keutamaan dalam memperkukuh pembangunan modal insan dengan meneruskan pelaburan dalam sistem pendidikan dan latihan yang inovatif di semua peringkat, dengan menumpukan peningkatan kemahiran dan kebolehpasaran anak-anak tempatan, terutamanya golongan belia.

Ini termasuk pelaburan dalam infrastruktur pendidikan serta penyalaraan usaha-usaha dengan keperluan industri, perkembangan ekonomi, dan badan profesional ke arah memastikan tenaga kerja dilengkapi dengan kemahiran dan pengalaman untuk menghadapi cabaran semasa dan masa depan.

Demikian antara yang terkandung di dalam Pembentangan Kertas Cadangan Rang Undang-undang (2025) Perbekalan 2025/2026 oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah pada hari ketiga Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-21 Majlis Mesyuarat Negara bagi Tahun 1446 Hijrah / 2025 Masihi di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis di sini.

Dengan tujuan untuk memberikan pengalaman pekerjaan kepada para graduan, Yang Berhormat menjelaskan program Skim Perantisan Perkhidmatan Awam (SkiPPA) telah diperkenalkan yang dilaksanakan oleh Pusat Pekerjaan Brunei (PPB) dengan kerjasama Pejabat Perancangan Tenaga Manusia (PPTM) dan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA).

Skim tersebut jelas Yang Berhormat merupakan skim perantisan di dalam Perkhidmatan Awam, yang akan memberikan pengalaman perantisan selama 12 bulan kepada para graduan lepasan Ijazah Sarjana Muda dan ke atas, yang belum atau mempunyai pengalaman kerja yang minima dan seterusnya dapat memenuhi keperluan kritikal yang dikenal pasti oleh Kementerian.

"Setakat ini, seramai 794 perantis sedang menjalankan program ini di Kementerian dan jabatan kerajaan," ujar Yang Berhormat lagi.



SEBAHAGIAN yang hadir pada persidangan tersebut.



# MESYUARAT PERTAMA DARI MUSIM PERMESYUARATAN KE-21 MAJLIS MESYUARAT NEGARA



## MEDAN PERUNDINGAN BERINTEGRITI, KREATIF, STRATEGIK



**YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II (atas), manakala gambar bawah kanan, sebahagian yang hadir pada persidangan tersebut.**

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Ahad, 2 Mac. - Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Halbi bin Haji Mohd. Yussof menyokong usul Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman, iaitu Usul Menjunjung Kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah

ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam terhadap limpah kurnia titah baginda bersempena keberangkatan ke Majlis Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-21 Majlis Mesyuarat Negara (MMN) baru-baru ini.

Menurut Yang Berhormat, titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tersebut mencerminkan pemikiran proaktif dan wawasan baginda yang jauh ke hadapan dalam memastikan kesejahteraan rakyat dan penduduk terus terjalin.

la juga jelas Yang Berhormat, mencerminkan komitmen berterusan kerajaan baginda untuk memelihara kemakmuran negara sejajar dengan matlamat Wawasan Brunei 2035. Justeru, tiga perkara utama yang di ketengahkan oleh Yang Berhormat terhadap kandungan titah baginda semasa majlis istiadat pembukaan berkenaan.

"Pertama, titah baginda bahawa MMN merupakan wadah percambahan fikiran. Antaranya berasaskan himpunan perkara-perkara berkeutamaan daripada sesi dialog, muzakarah dan lawatan kerja Ahli-ahli Mesyuarat yang dilantik adalah

sangat tepat sekali.

"Malah majlis ini adalah wadah perbincangan tertinggi di negara ini yang memainkan peranan yang amat signifikan dalam pembangunan dan kemajuan negara. Ia berfungsi sebagai platform demokrasi berteraskan Melayu Islam Beraja di mana wakil-wakil rakyat dapat menyuarakan pandangan dan membawa isu-isu penting untuk perhatian kerajaan selaras dengan konsep syura dalam Islam dan bersandarkan lunas-lunas perlembagaan Brunei," terang Yang Berhormat pada hari ketiga Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-21 MMN berlangsung di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, kelmarin.

Yang Berhormat juga menyatakan yang lebih penting lagi, majlis ini berperanan sebagai penghubung antara kerajaan dan rakyat di mana melalui perbahasan dalam majlis, aspirasi dan kebimbangan rakyat dapat disampaikan secara langsung kepada pihak penggubal dasar seterusnya memastikan dasar-dasar kerajaan sentiasa relevan dengan keperluan rakyat. Seterusnya titah baginda bagi kekerapan Persidangan MMN dipertingkatkan kepada dua kali setahun tambahnya, akan membawa manfaat besar kepada pentadbiran negara.

Persidangan yang lebih kerap membolehkan pemantauan berterusan terhadap dasar-dasar

**Oleh : Nooratini Haji Abas**

**Foto : Mohamad Azmi Haji Awang Damit, Azmah Haji Ahad**

kerajaan dan projek pembangunan serta membuka ruang untuk menangani isu-isu semasa dengan lebih berkesan ia juga mempertingkatkan akauntabiliti dalam sektor awam melalui pelaporan pencapaian yang lebih kerap oleh kementerian dan jabatan-jabatan sekali gus mendorong prestasi yang lebih cemerlang dalam usaha mencapai matlamat Wawasan Brunei 2035.

Kemudian, perkara kedua dalam inti pati titah baginda ujar Yang Berhormat ialah berkenaan sumbangan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) yang menunjukkan kemajuan negara kemajuaan ketara dengan putaran purata pertumbuhan sepanjang

tempoh tahun 2017 hingga 2023 iaitu sebanyak 4.3 peratus setahun. Ini didorong oleh peningkatan yang luar biasa dalam sektor aliran minyak dan gas.

Titah baginda ini juga tegasnya, terus saja mengingatkan kita untuk terus berusaha lebih gigih khas dalam mengurangkan kebergantungan negara kepada hasil minyak dan gas. Cabaran global semasa seperti ketidakpastian harga minyak perubahan iklim dan gangguan bekalan sebenarnya menukar wang baharu untuk memperkukuhkan ekonomi.

>> Muka 10



## Mengukuhkan sistem kesihatan negara

**Oleh : Hezlinawati Haji Abdul Karim**

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Sabtu, 1 Mac. - Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-21 Majlis Mesyuarat Negara (MMN) bagi Tahun 1446 Hijrah / 2025 Masihi di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis bagi hari ketiga diteruskan dengan Pembentangan Kertas Cadangan Rang Undang-undang (2025) Perbekalan 2025/2026 oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah.

Dalam pembentangan Kertas Cadangan Rang Undang-undang tersebut, Yang Berhormat menjelaskan bahawa keutamaan akan terus diberikan untuk mengukuhkan lagi sistem kesihatan negara bagi meningkatkan lagi keupayaannya untuk bertindak balas secara berkesan dan lebih responsif terhadap apa jua keperluan kesihatan dan sebarang perubahan atau cabaran-cabaran paradigma kesihatan pada masa ini dan masa hadapan.

Usaha ini jelas Yang Berhormat termasuk memastikan semua peralatan perubatan yang diperlukan, peralatan diagnostik, stok ubat-ubatan dan sumber tenaga manusia adalah pada tahap yang memuaskan dan mencukupi.

Yang Berhormat juga

menyatakan bahawa pelbagai faktor termasuk kenaikan harga rawatan perubatan dan ubat-ubatan, inovasi teknologi perubatan serta cabaran-cabaran seperti pandemik wabak penyakit akan terus menguji kedayatanaan sistem kesihatan negara, termasuklah *ageing population* yang memerlukan penjagaan kesihatan yang semakin kompleks.

Dalam hal ini ujar Yang Berhormat lagi, kerajaan sentiasa menekankan kepentingan penjagaan dan pencegahan awal serta mengutamakan gaya hidup sehat yang dapat membantu mengurangkan penyakit-penyakit kronik dan seterusnya mengurangkan tekanan kepada sistem penjagaan kesihatan kita.

Sementara itu sebagai langkah untuk memperkukuh daya tahan dan keberkesanan sistem kesihatan, Yang Berhormat menjelaskan kerajaan terus memanfaatkan teknologi digital bagi memperluaskan akses kepada perkhidmatan dan meningkatkan pengalaman pengguna.

"Sebagai salah satu inisiatif ke arah meningkatkan mutu perkhidmatan penjagaan kesihatan, kerajaan telah memperkenalkan BruHealth 5.0. Aplikasi ini dilengkapi dengan ciri-ciri baharu seperti penambahan saringan kesihatan di bawah Program Pemeriksaan

Kesihatan Kebangsaan bagi pencegahan dan pengesanan penyakit secara awal; indeks kesihatan bagi setiap individu; dan pemantauan kesihatan melalui rutin harian," jelas Yang Berhormat.

Pada masa yang sama ujar Yang Berhormat lagi, langkah-langkah strategik turut dilaksanakan untuk meningkatkan keberkesanan perkhidmatan penjagaan kesihatan. Salah satunya adalah melalui integrasi strategik antara Jerudong Park Medical Centre (JPMC) dan Pusat Pakar Pantai Jerudong (PJSC) pada 1 Januari 2025.

Untuk memenuhi keperluan jururawat negara pula, Yang Berhormat menjelaskan bahawa JPMC College of Health Sciences atau JCHS, telah ditubuhkan dengan kerjasama Far Eastern University dari Republik Filipina yang setakat ini mempunyai tiga pengambilan dalam program Foundation in Science dengan jumlah pelajar seramai 301 orang dan dua pengambilan dalam program Bachelor of Science in Nursing dengan jumlah pelajar seramai 207 orang di samping ia juga disasarkan untuk menjadi sebuah pusat bagi pelajar-pelajar kejururawatan tempatan dan juga antarabangsa.

Yang Berhormat berkata kerajaan terus meningkatkan komitmen dalam memperkukuhkan sistem penjagaan kesihatan negara dengan menyediakan peruntukan

di bawah Perbelanjaan Berulang-ulang sebanyak BND425.2 juta bagi Tahun Kewangan 2025/2026 kepada sektor Kesihatan.

Peruntukan tersebut tambah Yang Berhormat, antaranya termasuk bagi pemeliharaan sistem BruHealth dan Bru-HIMS untuk memastikan sistem digital ini terus beroperasi dengan baik bagi menyokong pengurusan kesihatan negara dan pengambilan tenaga kerja profesional seperti jururawat secara kontrak, teknisyen makmal dan pembantu penjaga pesakit (*patient-care assistants*) serta penyediaan bekalan makanan dan minuman di hospital-hospital seluruh negara, untuk memastikan penyediaan perkhidmatan kesihatan berkualiti; termasuk perkhidmatan sokongan klinikal.

Yang Berhormat menjelaskan peruntukkan juga adalah untuk pembelian ubat-ubatan, peralatan perubatan guna habis dan keperluan ujian makmal; perkhidmatan rawatan pesakit kritikal, termasuk rawatan sakit jantung di Gleneagles JPMC, rawatan kanser di Pusat Kanser Brunei, serta rawatan rehabilitasi strok dan neurologi di Brunei Neuroscience, Stroke & Rehabilitation Centre.

Seterusnya Yang Berhormat menjelaskan peruntukan adalah bagi menangani isu kesihatan masyarakat yang kritikal, termasuk pengurusan wabak

penyakit berjangkit, program pencegahan dan penyelidikan untuk meningkatkan kesiapsiagaan negara terhadap ancaman kesihatan masa hadapan.

"Walaupun kerajaan terus berusaha meningkatkan akses dan kualiti perkhidmatan kesihatan yang hampir percuma, tanggungjawab untuk menjaga kesihatan tidak hanya terletak pada sistem perubatan tetapi juga pada setiap rakyat dan penduduk di negara ini.

"Oleh itu, setiap individu adalah digalakkan untuk mengamalkan gaya hidup sihat, menjalani pemeriksaan kesihatan secara berkala, serta mengambil langkah pencegahan untuk mengurangkan risiko penyakit.

"Sebagai sebuah negara yang memiliki sistem perlindungan kesihatan sejagat atau *universal health coverage* yang menawarkan sistem penjagaan kesihatan yang bertaraf tinggi, rakyat juga perlu memainkan peranan dengan memanfaatkan kemudahan yang disediakan secara bertanggungjawab, mengelakkan pembaziran sumber perubatan, dan menghargai pengorbanan barisan hadapan kesihatan.

"Dengan komitmen bersama ini, insyaaAllah, Negara Brunei Darussalam akan terus berkembang menjadi sebuah negara yang mempunyai rakyat yang sihat, produktif dan sejahtera," ujar Yang Berhormat.



## MESYUARAT PERTAMA DARI MUSIM PERMESYUARATAN KE-21 MAJLIS MESYUARAT NEGARA



# MEMANTAPKAN EKONOMI NEGARA DARI SEMUA SUDUT, PERSPEKTIF

Oleh : Nooratini Haji Abas

Foto : Mohamad Azmi Haji Awang Damit, Azmah Haji Ahad

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Ahad, 2 Mac. - Negara Brunei Darussalam (NBD) tidak lepas daripada menghadapi ekonomi global, cabaran ini akan berlaku pada setiap semasa ke semasa.

Dari itu, usaha ke arah memantapkan ekonomi negara adalah sentiasa dilaksanakan dari semua sudut dan perspektif sepertimana di dalam titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang juga menyentuh berkenaan dengan peningkatan KDNK pada tahun 2017 hingga 2023, meningkat secara empat peratus setahun melalui eksport produk-produk baharu ke negara luar.

Bahkan, ini turut

menggambarkan usaha mempelbagaikan produk-produk baharu yang mempunyai nilai yang tinggi di pasaran global adalah penting bagi memantapkan ekonomi negara selain minyak dan gas.

Perkara itu ditekankan oleh Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Awang Haji Mohamad Danial@Tekpin bin Ya'akub, Penghulu Mukim Ukong pada hari ketiga pada Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-21 MMN bagi Tahun 2025 yang berlangsung di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, kelmarin.

Menurut Yang Berhormat, NBD juga mempunyai maksud lain yang berpotensi dimajukan seperti produk-produk kaca yang berkualiti dan mahal, sinaran ini juga dilihat kepada usaha dan produktiviti yang dihasilkan oleh

Pengusaha Mikro, Kecil dan Sederhana serta juga pengusaha Produk Satu Kampung, Satu Produk.

Bukan itu sahaja, pemain industri dalam tempatan di dalam semua sektor tegas Yang Berhormat, perlulah dilihat penting walaupun ia berjalan secara kecil-kecilan bantuan dalam bentuk kewangan dan bimbingan adalah bentuk utama ke arah peningkatan masing-masing. Ini jelas Yang Berhormat lagi, termasuk penyediaan ekosistem perniagaan hendaklah sentiasa dikemaskinikan zaman agar para tempatan tidak ketinggalan di pasaran global.

"Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat menyentuh dengan tanggungjawab dan peranan, baginda juga akan menyuarakan perundingan secara baik dan telus hendaklah dilakukan bersama dengan agensi-agensi kerajaan agar pelaksanaan tiap

projek atau kempen setiap kemajuan dalam mewujudkan secara interaksi rakyat," kata Yang Berhormat lagi.

Dalam pada itu, Yang Berhormat juga menyambut baik Musim Permesyuaratan MMN diadakan dua kali setahun ini memberikan ruang kepada Ahli-ahli Yang Berhormat untuk melaksanakan tugas yang diamanahkan dengan lebih baik dan kondusif.

Yang Berhormat turut menyokong Usul Menjunjung Kasih titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-21 MMN, yang diadakan baru-baru ini.

"Sememangnya dalam titah baginda ini adalah merupakan garis panduan serta peringatan kepada kaola dan Ahli-ahli Yang



**AHLI** Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Awang Haji Mohamad Danial@Tekpin bin Ya'akub, Penghulu Mukim Ukong.

Berhormat sekalian mahupun pihak kerajaan dan swasta serta penduduk NBD di dalam sama-sama menandai dan bersama-sama melaksanakan tanggungjawab masing-masing ke arah mencapai Wawasan Brunei 2035," ujar Yang Berhormat lagi.



**SEKITAR** Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-21 MMN bagi Tahun 2025.

>> Muka 9

Malahan, keadaan ini kata Yang Berhormat, turut mendorong kita untuk meneroka bidang-bidang baharu, meningkatkan inovasi dan membina daya tahan ekonomi yang lebih mantap ia juga mendorong kita untuk perlu mengambil pendekatan yang lebih agresif dan mempelbagaikan ekonomi, meningkatkan kecekapan sektor awam dan swasta serta membangunkan modal insan dan yang berkemahiran tinggi ini termasuk memperkasa usaha para mikro kecil dan sederhana menggalakkan pelaburan orang asing dan memanfaatkan teknologi digital untuk meningkatkan produktiviti.

Oleh yang demikian, Yang Berhormat menyarankan kita harus peka dalam usaha serta membangun pembangunan ekonomi, pendekatan Whole of Nation atau senegara adalah sangat relevan kerana setiap pihak saling bergantung dalam menjalankan mana-mana usaha termasuk memperkasa industri

yang sedia ada atau menerokai produk industri yang baharu.

Bahkan, pihak kerajaan dan swasta tegas Yang Berhormat, harusnya bekerjasama dan berganding bahu dalam merancang apa jua pembaharuan atau usaha untuk membanteras energi dalam bagi tujuan meningkatkan bagi pertumbuhan dan pembangunan negara dengan adanya dialog yang kerap di antara pihak kerajaan dan swasta daripada sebarang permasalahan atau cabaran insyaaAllah akan dapat diatasi.

Manakala perkara ketiga yang diketengahkan, adalah mengenai seruan baginda agar seluruh pihak kerajaan untuk terus melakukan transformasi dalam meningkatkan produktiviti senegara merentasi sektor-sektor seperti pertanian, pengangkutan, pendidikan, kesihatan, pelancongan, keselamatan dan perkhidmatan awam serta menerokai industri-industri baharu dengan mengambil peluang kepada pusat teknologi ke arah merealisasikan Wawasan Brunei

2035.

Yang Berhormat menggariskan, titah baginda berkenaan telah menekankan peranan penting sektor awam di negara ini dalam menyokong pembangunan negara dan kesejahteraan rakyat apa yang pasti ia hanya terhad kepada pentadbiran dan pengurusan sahaja malah mencukupi pemberian perkhidmatan yang berkualiti kepada rakyat memastikan keharmonian sosial dan menggalakkan pembangunan ekonomi secara berterusan.

Titah baginda itu, juga jelas Yang Berhormat, mengingatkan bahawa dalam dunia yang sentiasa pantas berubah ini cabaran baharu sentiasa muncul memerlukan perubahan dan pembaharuan yang relevan. Oleh itu, transformasi dalam sektor awam kata Yang Berhormat sangatlah penting bagi memastikan ia terus relevan dan efisien dalam memenuhi keperluan rakyat serta mencapai matlamat agenda pembangunan negara.

Yang Berhormat sangat

menjunjung tinggi kurnia titah baginda berkenaan yang jelas mengandungi wawasan dan misi yang jauh memberikan pandangan yang mendalam dalam mengenai masa depan khususnya memastikan kehidupan khususnya sektor awam di negara ini.

"Dengan pandangan luas lagi menyeluruh baginda mengajak kita untuk memperkukuhkan kecekapan membudayakan kreativiti dan mempertingkatkan kerjasama antara semua sektor dalam memastikan sektor awam terus relevan dan efisien dalam menghadapi cabaran pada masa hadapan.

"Titah baginda merupakan nasihat bernilai tinggi memberi peringatan akan pentingnya kita bergerak maju dengan penuh kesedaran sentiasa mencari jalan untuk memperbaiki diri dan memenuhi keperluan rakyat dengan lebih berkesan," ucap Yang Berhormat lagi.

Dari itu, Yang Berhormat menekankan apa yang utama wawasan visi dan nasihat yang dititahkan baginda semestinya dijadikan pegangan bersama

agar kita dapat melangkah lebih jauh merancang tindakan lebih strategik dan mencapai kemajuan yang lebih cemerlang bagi negara kita tercinta Negara Brunei Darussalam.

Oleh itu, Yang Berhormat mengajak semua ahli yang dilantik untuk bersama-sama berbincang secara terbuka dan syura' dengan mengutarakan pandangan serta pendapat isu-isu penting negara termasuk isu-isu global baharu sesuai dengan konteks tempatan.

Ini bertepatan dengan titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang mengharap persidangan majlis ini akan menjadi medan untuk berunding dengan berintegriti, berfikir secara kreatif dan bertindak strategik, memberikan pandangan dan cadangan bernas berasaskan kepada fakta dan data-data yang relevan serta berpandukan pada amalan-amalan yang terbaik untuk memajukan negara bumi bertuah, tanah tumpah darah yang kita sama-sama kita cintai ini.



MESYUARAT PERTAMA DARI MUSIM PERMESYUARATAN KE-21  
MAJLIS MESYUARAT NEGARA



# PENGGUNAAN AI TINGKATKAN KUALITI PERKHIDMATAN KERJA

Oleh : Aimi Sani

Foto : Mohamad Azmi Haji Awang Damit, Azmah Haji Ahad

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Ahad, 2 Mac. - Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Awang Abdul Aziz bin Haji Hamdan, Ketua Kampung Sengkarai menyatakan rasa syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana berpeluang untuk Usul Menjunjung Kasih bagi Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-21, MMN bagi Tahun 2025, kelmarin.

Yang Berhormat turut menyokong penuh usul Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman bagi menyempahkan menjunjung

kasih setinggi-tingginya Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolikiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang telah berkenan bercemar duli berangkat ke Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-21, MMN, baru-baru ini.

Berucap semasa menyertai perbahasan Usul Menjunjung Kasih semasa Persidangan MMN Ke-21 yang bersidang bagi hari ketiga, di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, Yang Berhormat seterusnya

berkata, titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolikiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sememangnya banyak makna dan penuh pengertian yang mendalam sekali apatah lagi baginda tidak ketinggalan menyentuh berkenaan dengan komitmen Ahli-ahli Yang Berhormat dalam melaksanakan tugas serta tanggungjawab yang diamanahkan.

"Saranan baginda merupakan membakar semangat kepada Ahli-ahli Yang Berhormat untuk sentiasa meningkatkan positif diri di dalam mengemukakan idea-idea yang bernas serta mampu mengembang kepada kemajuan negara. Selain daripada itu, kaola sangat-sangat menyambut baik sebarang perubahan bagi memantapkan MMN ini termasuklah penggubalan Kod Etika Kerja Ahli-ahli Yang Berhormat MMN.

"Perubahan ini mencerminkan wawasan baginda dalam meningkatkan kualiti dan integriti MMN agar sentiasa relevan dan dihormati atas dasar itu kita selaku rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam (NBD) sewajarnya bagi satu mekanisme yang positif ke arah sentiasa bergiat aktif untuk bersama-sama menanai hasrat baginda," ujar Yang Berhormat.

Menyentuh mengenai soalan transformasi produktiviti negara

terang Yang Berhormat, baginda juga mengharapkan usaha dalam mempelbagaikan ekonomi negara dalam semua sektor agar tidak perlu bergantung kepada produk minyak dan gas dapat diimbangi dengan sebaik-baiknya. Ini termasuklah dalam memperluaskan aktiviti sosial ekonomi dan perniagaan yang sewajarnya hendaklah dipelopori oleh anak-anak tempatan.

Yang Berhormat seterusnya menambah, seperti yang kita sedia maklum masih banyak peniaga kecil-kecilan yang terajui oleh bukan bumiputera seperti kedai gunting rambut lelaki, perkhidmatan pemotong rumput, kedai jahit dan sebagainya.

Yang Berhormat dalam pada itu, turut mengambil maklum bahawa pihak kerajaan ada menawarkan kursus-kursus kemahiran kepada belia-belia untuk membantu mereka memulakan peniagaan kecil-kecilan, sehubungan dengan ini kaola mencadangkan agar kursus-kursus kemahiran yang sedia ada dapat diperluaskan kepada golongan dewasa, persaraan kerajaan dan swasta dengan ini hanya dapat dimanfaatkan oleh semua lapisan umur terutama sekali kepada mereka yang berkeinginan untuk memulakan perniagaan.

Manakala menyentuh mengenai titah baginda tentang penggunaan Kecerdasan Buatan



AHLI Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Awang Abdul Aziz bin Haji Hamdan, Ketua Kampung Sengkarai.

(Artificial Intelligent - AI) dalam hal ini Yang Berhormat berpendapat telah tiba masanya AI ini dapat dikembangkan penggunaan di NBD yang mana ini termasuklah di dalam meningkatkan kualiti perkhidmatan kerja orang ramai seperti Perkhidmatan Pelanggan, Smart Car Parking dan sebagainya.

Walau bagaimanapun, tegas Yang Berhormat, penggunaan AI hendaklah juga dipantau dan diseimbangkan agar ia dianggap mesra pengguna serta dinikmati oleh orang ramai dengan sebaik-baiknya.

**"SARANAN baginda merupakan membakar semangat kepada Ahli-ahli Yang Berhormat untuk sentiasa meningkatkan positif diri di dalam mengemukakan idea-idea yang bernas serta mampu mengembang kepada kemajuan negara. Selain daripada itu, kaola sangat-sangat menyambut baik sebarang perubahan bagi memantapkan MMN ini termasuklah penggubalan Kod Etika Kerja Ahli-ahli Yang Berhormat MMN.**

## Menaik taraf tempat pelancongan menarik, baharu

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Ahad, 2 Mac. - Sikap keprihatinan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolikiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di dalam memedulikan hal ehwal kesejahteraan rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam (NBD) adalah sangat-sangat dijunjung tinggi apabila baginda bertitah memperkenankan agar caj perkhidmatan yang sedia ada bagi penduduk yang tidak mempunyai taraf penduduk (*stateless*) untuk kesihatan sepertimana yang diberikan kepada warganegara NBD, perlu kita syukuri selaku rakyat di bawah kepimpinan seorang raja yang berjiwa rakyat, berwawasan dan bijaksana.

Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Haji Awang Sulaiman bin Haji Nasir, Ketua Kampung Labu Estate dan Piasau-Piasau berucap demikian pada perbahasan Usul Menjunjung Kasih pada Mesyuarat Pertama dari Musim

Permesyuaratan Ke-21 MMN bagi Tahun 2025 yang berlangsung di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, kelmarin.

Selain itu, jelas Yang Berhormat, baginda juga menyentuh daripada usaha kerajaan untuk menggerakkan lebih banyak lagi aktiviti perniagaan dan pelancongan ke NBD yang memberi kesan secara langsung kepada *spinning-off* kepada peniagaan tempatan. Yang Berhormat berharap agar impak positif ini juga turut diraih oleh Daerah Temburong dengan slogan 'Permata Hijau'.

Sektor pelancongan pula ujar Yang Berhormat, hendaklah dipacu melalui program-program khusus aktiviti pelancongan yang lebih menarik dan baharu. Ini termasuklah menaik taraf tempat-tempat lawatan dari segi nilai komersial pelancongan yang berdaya maju dan *sustainable*.

Selain daripada itu juga, usaha ke arah meramaikan Daerah Temburong daripada penganjuran aktiviti-aktiviti sosial, sukan dan perniagaan sama ada di peringkat nasional atau serantau adalah


dilihat penting bagi mengerakkan kemajuan dan pembangunan di Daerah Temburong.

"Baginda turut bertitah berkenaan dengan kerjasama inovasi dan semangat juang semua pihak perlu mencapai Wawasan Brunei 2035. Sehubungan dengan ini, kaola berharap sebarang cadangan dan idea yang disuarakan di dewan yang mulia ini oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dapat diteliti dan diambil perhatian dengan sewajarnya. Kaola dan Ahli-ahli Yang Berhormat lain sentiasa bersedia untuk duduk semeja dan berunding demi mendapatkan hasil yang baik ke arah maju negara dan kesejahteraan rakyat.

"Kaola menyambut baik dan menjunjung kasih di atas

perkenan baginda bagi perubahan terhadap kekerapan Persidangan MMN kepada dua kali setahun termasuklah pengemaskinian ke atas prosedur dan proses kerja menurut Majlis Mesyuarat (Standing Orders) agar dipraktikkan sepenuhnya. Ini memberikan lagi ruang perbahasan sebagai *check and balance* kepada sebarang kemajuan yang dilaksanakan," tambah Yang Berhormat lagi.

Yang Berhormat juga turut menyempahkan sepenuhnya menjunjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolikiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atas keberangkatan baginda dan



AHLI MMN, Yang Berhormat Haji Awang Sulaiman bin Haji Nasir, Ketua Kampung Labu Estate dan Piasau-Piasau.

seterusnya mengurniakan titah bersempena Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-21 MMN, baru-baru ini.

MESYUARAT PERTAMA DARI MUSIM PERMESYUARATAN KE-21  
MAJLIS MESYUARAT NEGARA BOLEH DIBACA SETIAP HARI MELALUI LAMAN SESAWANG :

[www.pelitabrunei.gov.bn](http://www.pelitabrunei.gov.bn)

BAGI MENGETAHUI BERITA-BERITA PENUH



# SENTIASA PROAKTIF MENJAGA KESIHATAN TELINGA



**HARI Pendengaran Sedunia** disambut setiap tahun pada 3 Mac untuk meningkatkan kesedaran orang ramai mengenai pentingnya penjagaan telinga dan pendengaran.

## ■ Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Kesihatan

>> Muka 1

Yang Berhormat seterusnya berkata, menurut Unit Audiologi, Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha terdapat peningkatan yang ketara dalam jumlah pesakit yang baru didiagnosis dengan masalah kehilangan pendengaran berbanding tahun sebelumnya.

Pada tahun 2023, Yang Berhormat menjelaskan, seramai 624 orang yang berumur 12 tahun ke atas didapati mengalami masalah pendengaran di kedua-dua telinga dan jumlah ini meningkat kepada 817 orang di sepanjang tahun 2024.

Program Saringan Pendengaran Anak Damit di Hospital Suri Seri

Begawan Kuala Belait juga katanya, telah menunjukkan peningkatan dalam bilangan anak damit baru lahir yang didapati mempunyai masalah pendengaran di Hospital Suri Seri Begawan Kuala Belait daripada tiga kes di tahun 2023 ke 10 kes di tahun 2024.

Dalam pada itu, ujar Yang Berhormat, penjagaan awal dan pengesanan masalah pendengaran dengan segera adalah sangat penting.

Jelas Yang Berhormat lagi, ia bukan sahaja dapat membantu proses pemulihan dengan lebih cepat tetapi juga mengurangkan risiko komplikasi lebih lanjut seperti kehilangan pendengaran kekal yang mungkin disebabkan oleh kekurangan perhatian terhadap penjagaan telinga yang baik.

Justeru itu, tegasnya, Hari Pendengaran Sedunia disambut setiap tahun pada 3 Mac untuk meningkatkan kesedaran orang ramai mengenai pentingnya penjagaan telinga dan pendengaran.

Yang Berhormat seterusnya berkata, tahun ini tema yang pilih adalah 'Mengubah minda : memperkasakan diri awda untuk menjadikan penjagaan telinga dan pendengaran sebagai realiti

semua!'

"Tema ini menggalakkan individu untuk mengambil langkah proaktif dalam menjaga kesihatan telinga dan pendengaran mereka, memberikan maklumat yang tepat dan berdasarkan bukti untuk mengubah persepsi masyarakat mengenai masalah telinga dan pendengaran, menangani kesalahfahaman dan stigma yang berkaitan dengan gangguan pendengaran, memastikan akses yang adil kepada penjagaan telinga dan pendengaran.

"Tema pada tahun ini juga memfokuskan kepada memperkasakan diri yang bermaksud memberi kuasa kepada individu untuk bertindak proaktif terhadap penjagaan pendengaran masing-masing," jelas Yang Berhormat.

Ini termasuk membuat pilihan bijak seperti mengurangkan pendedahan kepada bunyi bising yang berlebihan, memakai alat pelindung telinga apabila perlu dan mengambil masa untuk memeriksa pendengaran secara berkala.

Dalam masa yang sama, tambah Yang Berhormat, menghapuskan stigma dalam kalangan penduduk dan rakyat berkaitan dengan masalah pendengaran adalah sangat penting agar masyarakat

lebih terbuka untuk menerima dan memberikan sokongan kepada individu yang menghadapi cabaran pendengaran dengan cara yang menggalakkan inklusiviti dan saling memahami.

"Bersempena Sambutan Hari Pendengaran Sedunia 2025, Pertubuhan Kesihatan Sedunia menekankan mesej utama seperti berikut iaitu lebih daripada satu bilion orang muda berisiko kehilangan pendengaran kekal akibat pendedahan berpanjangan kepada bunyi yang kuat semasa aktiviti seperti mendengar muzik dan bermain *video games* dan cara kita mendengar pada masa depan bergantung pada bagaimana kita menjaga telinga kita hari ini kerana banyak kes kehilangan pendengaran boleh dicegah dengan mengamalkan pendengaran yang selamat dan penjagaan pendengaran yang betul.

"Hari Pendengaran Sedunia ini adalah satu panggilan untuk kita semua untuk bertindak dalam sama-sama memperkasakan diri untuk menjadikan penjagaan telinga dan pendengaran sebagai realiti untuk semua! (*empowering oneself to make ear and hearing care a reality for all!*)", mengakhiri perutusan Yang Berhormat.

# Munajat Khas Wanita semarakkan Hari Kebangsaan

## ■ Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Hal Ehwal Ugama

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Ahad, 2 Mac. - Untuk menyemai rasa kecintaan dan semangat patriotisme dalam kalangan warga kerja Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) dan jabatan-jabatan di bawahnya, baru-baru ini diadakan Munajat Khas Wanita bagi Program Semarak Hari Kebangsaan (HK) Negara Brunei Darussalam (NBD) Ke-41, Tahun 2025 anjuran KHEU Kali Ke-175.

Ikut serta pada Munajat Khas kali

ini termasuk tenaga akademik wanita Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah (ITQSHHB) dan warga kerja wanita KHEU dan jabatan-jabatan di bawahnya serta individu secara dalam talian.

Acara dimulakan dengan bacaan Sayyidul Istighfar dan Surah Al-Fatihah dipimpin oleh Pegawai Ugama, Dayang Hajah Rostinah binti Haji Yahya juga selaku Pemangku Timbalan Pengetua Pengajian Menengah,

ITQSHHB dari Musolla institut berkenaan, diikuti dengan bacaan Surah As-Sajdah dipimpin oleh Pegawai Penyelidik SKiPPA, Pusat Da'wah Islamiah (PDI), KHEU, Dayang Nor Amal Syahira@Nor Ameera Syahira binti Rosman dari Mushalla Al-Ameen, PDI.

Seterusnya, Doa Munajat dibacakan oleh Penolong Pensyarah ITQSHHB, Dayang Hazirah binti Haji Hazilan. Juga hadir bagi sama-sama menyemarakkan Munajat tersebut ialah isteri Menteri Hal Ehwal Ugama, Datin Hajah Nahriah binti Haji Asbi.

Bersempena kedatangan bulan Ramadan, Munajat Khas Wanita tersebut juga diserikan lagi dengan

tazkirah yang membawakan tajuk 'Syukuri Hari Kebangsaan, Raikan Keberkatan Ramadan' disampaikan oleh Pegawai Perkembangan Ugama, PDI, Dayang Siti Syuhaidah binti Haji Mohd. Yusoff antara lain menyebutkan bahawa Sambutan Ulang Tahun HK NBD Ke-41, Tahun 2025 mengingatkan kita akan nikmat keamanan yang dikurniakan oleh Allah Subhanahu Wata'ala.

Menurutnya lagi, sebagai wanita, antara peranan kita adalah mendidik anak-anak menjadi generasi pemimpin masa depan sehabis baik. Dalam masa yang sama, bulan Ramadan adalah hadiah istimewa yang penuh

keberkatan, rahmat dan keampunan. Walaupun ada halangan syarie, pahala tetap boleh diraih melalui zikir, doa, sedekah dan kebaikan kepada keluarga.

Seleasai tazkirah, bacaan Selawat Tafrijiyyah beramai-ramai dipimpin oleh pegawai-pegawai dan kakitangan wanita Jabatan Urusan Haji, KHEU dari surau Kementerian berkenaan. Acara diakhiri dengan Doa Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam dibacakan oleh Pegawai Ugama SKiPPA, Bahagian Hal Ehwal Belia, Jabatan Hal Ehwal Masjid, KHEU, Dayang Wafaa Aiman Syakirah binti Dahlan.

## HASRAT NEGARA

>> Muka 2

InsyaaAllah, kita akan terus memacu pertumbuhan ekonomi melalui aktiviti perekonomian baharu seperti pengeluaran Petroleum Intermediate Derivatives yang akan menjana aktiviti tambahan dalam sektor hiliran minyak dan gas : menjadikan negara sebagai hab bagi sektor kimia, pembuatan dan makanan, dan menerokai aktiviti peralihan tenaga ke arah persekitaran yang mampan.

Di samping itu, di peringkat mikro pula, kerajaan beta akan terus berusaha dalam menggerakkan lebih banyak lagi aktiviti perekonomian dan pelancongan ke negara ini yang dapat mendatangkan kesan limpahan positif kepada peniaga-peniaga tempatan.

Namun demikian, kita tidak boleh berpuas hati. Ekonomi kita masih sahaja bergantung kepada minyak dan gas. Maka, kita perlu terus melakukan transformasi dalam meningkatkan produktiviti dan hasil negara merentasi sektor-sektor seperti pertanian, pengangkutan, pendidikan, kesihatan, pelancongan, keselamatan dan Perkhidmatan Awam serta industri-industri baharu dengan mengambil kira kepesatan teknologi.

Menyentuh tentang revolusi teknologi, khususnya Kecerdasan Buatan atau Artificial Intelligence, ianya membuka peluang baharu yang memerlukan kita untuk terus memperkasa sumber manusia dan keupayaan negara.

Apa yang pasti, perjalanan menuju Wawasan Brunei 2035 memerlukan kerjasama, inovasi dan semangat juang yang tinggi dari semua pihak. Oleh yang demikian, setiap cadangan dan idea yang dikemukakan di dewan ini adalah bernilai untuk diteliti dengan mengambil kira *emerging issues* di peringkat global untuk diambil tindakan oleh pihak-pihak berkepentingan mengikut kesesuaiannya.

Sejajar dengan ini, beta sentiasa mengharapkan agar persidangan majlis ini akan terus berunding dengan jujur, berfikir kreatif dan bertindak strategik ke arah meraih masa depan gemilang negara kita.

Sekian, *Wabillahi Taufik Walhidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.*



**ANTARA** yang hadir pada Munajat Khas Wanita bagi Program Semarak Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-41, Tahun 2025.



# PUPUK HUBUNGAN KEHAKIMAN MELALUI PERTUKARAN PENGETAHUAN, KEPAKARAN

Siaran Akhbar dan Foto :  
Mahkamah Besar Negara  
Brunei Darussalam

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Sabtu, 1 Mac. - Seramai 125 peserta hadir yang terdiri daripada Badan Kehakiman, Pejabat Peguam Negara, Persatuan Undang-undang Negara Brunei Darussalam (NBD), Jabatan Perdana Menteri (JPM), Kementerian Kewangan dan Ekonomi, Pusat Timbangtara Brunei Darussalam (BDAC), Lembaga Kemajuan Ekonomi Brunei (BEDB), Universiti Brunei Darussalam (UBD), Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) dan Kolej Perniagaan Laksamana (LCB) menyertai Kuliah Ucaptama yang disampaikan oleh Timbalan Presiden Mahkamah Besar United Kingdom, The Right Honourable Lord Patrick Stewart Hodge, baru-baru ini.

Kuliah Ucaptama membawakan tajuk 'The Impact of the Supreme Court on the Wider Economy' itu juga disertai oleh seramai 27 peserta melalui dalam talian terdiri daripada Badan Kehakiman Indonesia, Malaysia dan Singapura, termasuk Yang Amat Arif Tun Tengku Maimun binti Tuan Mat dari Mahkamah Persekutuan Malaysia.

Sebelum Kuliah Ucaptama tersebut, The Right Honourable Lord Patrick Stewart Hodge telah mengadakan perjumpaan dua hala bersama Ketua Hakim Mahkamah Besar NBD, Yang Amat Arif Dato Seri Paduka Steven Chong Wan Oon.

Pada perjumpaan tersebut, Ketua Hakim Mahkamah Besar



**TIMBALAN** Presiden Mahkamah Besar United Kingdom, The Right Honourable Lord Patrick Stewart Hodge hadir bagi menyampaikan Kuliah Ucaptama. Turut hadir, Yang Berhormat Peguam Negara, Yang Amat Arif / Yang Berhormat Ketua Hakim Syarie dan Yang Mulia Timbalan Menteri (Urustadbir Perkhidmatan Awam) Jabatan Perdana Menteri.

dan The Right Honourable Lord Patrick Stewart Hodge telah mengadakan perbincangan yang bermanfaat mengenai bidang kerjasama termasuk pemfanaan rayuan sivil kepada Judicial Committee of the Privy Council (JCPC), perkembangan penggunaan teknologi di mahkamah dan pendidikan serta latihan kehakiman.

Turut hadir pada acara tersebut ialah Peguam Negara, Yang Berhormat Datin Seri Paduka Hajah Nor Hashimah binti Haji Mohammed Taib; Ketua Hakim Syarie, Yang Amat Arif / Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Paduka Seri Utama Dato Paduka Seri Setia Haji Awang Salim bin Haji Besar; Timbalan Menteri

(Urustadbir Perkhidmatan Awam) Jabatan Perdana Menteri, Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Mohammed Riza bin Dato Paduka Haji Mohammed Yunos dan Pemangku Pesuruhjaya Tinggi British ke NBD, Captain Jonathan Caple.

Acara dimulakan dengan ucapan alu-aluan oleh Ketua Hakim Mahkamah Besar di mana Yang Amat Arif menekankan bagaimana dalam beberapa tahun kebelakangan ini, hubungan antara kedua-dua badan kehakiman telah bertambah kukuh dengan ketara dan ini menandakan kali pertama ahli kanan Mahkamah Agung UK dan JCPC telah datang ke NBD.

Yang Amat Arif seterusnya

menyatakan bahawa ini amat penting memandangkan JCPC berfungsi sebagai mahkamah rayuan terakhir bagi perkara-perkara sivil di negara ini.

Ketua Hakim Mahkamah Besar bercakap tentang bagaimana kerjasama kehakiman telah menjadi asas kepada hubungan antara NBD dan UK serta mengasah komitmen bersama untuk mengekalkan kedaulatan undang-undang dan memupuk hubungan kehakiman yang kukuh melalui pertukaran pengetahuan serta kepakaran yang kerap. Yang Amat Arif juga melahirkan rasa terima kasih kepada Suruhanjaya Tinggi British di NBD atas sokongan berterusan mereka.

Dalam memperkenalkan Kuliah Ucaptama tersebut, Yang Amat Arif berkata bahawa pandangan dan pengetahuan The Right Honourable Lord Patrick Stewart Hodge menyediakan peluang berharga untuk dialog antara badan kehakiman dan komuniti undang-undang yang lebih luas

mengenai isu-isu di persimpangan undang-undang dan ekonomi.

Yang Amat Arif menambah bahawa keputusan kehakiman tidak wujud dalam ruang hampa - ia membentuk industri, mempengaruhi pasaran dan mempengaruhi kehidupan seharian perniagaan dan individu.

Pengaruh mahkamah melangkaui teori undang-undang dan kesan penghakiman boleh mencapai bilik lembaga pengarah, penggubal dasar dan juga pengguna dalam memacu keyakinan pelabur dan mengemudi pertumbuhan ekonomi.

Ketua Hakim Mahkamah Besar seterusnya menyatakan bahawa hubungan antara undang-undang, perdagangan dan pembangunan ekonomi sudah mantap dan menekankan kepercayaannya bahawa kepercayaan awam terhadap badan kehakiman dan penghakimannya menyumbang dengan ketara kepada kemakmuran ekonomi dan kedudukan global.

## Pastikan sistem perundangan diiktiraf secara global

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Sabtu, 1 Mac. - Timbalan Presiden Mahkamah Besar United Kingdom, The Right Honourable Lord Patrick Stewart Hodge baru-baru ini telah menyampaikan kuliah yang membawakan tajuk 'The Work of Judicial Committee of the Privy Council'.

Terdahulu, sebelum kuliah tersebut, acara dimulakan dengan ucapan alu-aluan daripada Pemangku Ketua Pendaftar, Dayang Hajah Hazarena binti Pehin Orang Kaya Setia Jaya Dato Paduka Haji Hurairah di mana beliau menekankan mengenai Negara Brunei Darussalam (NBD) mengekalkan hubungannya dengan Jawatankuasa Kehakiman Majlis Privy (Judicial Committee of the Privy Council - JCPC) sebagai mahkamah rayuan terakhir bagi kes sivil.

Beliau seterusnya menyatakan pengiktirafan terhadap peranan JCPC sebagai sumber piawaian perundangan antarabangsa sambil turut menekankan hasrat negara untuk membangunkan sistem perundangan yang menghormati konteks tempatan sambil memanfaatkan kebijaksanaan dan precedents yang ditetapkan oleh JCPC.

"Sebagai bidang kuasa yang kecil, mempunyai akses kepada

JCPC memastikan bahawa sistem perundangan kita boleh menanda aras terhadap piawaian yang diiktiraf secara global, meningkatkan kesahihan mahkamah dan penghakiman kita," ujar Dayang Hajah Hazarena lagi khususnya dalam mengekalkan hubungan NBD dengan JCPC.

Beliau seterusnya menambah bahawa precedents yang ditetapkan oleh keputusan dalam JCPC membimbing mahkamah dalam tafsiran undang-undang mereka.

Pada kuliah tersebut, The Right Honourable Lord Patrick Stewart Hodge menjelaskan bahawa pengaturan dengan JCPC diperoleh daripada pertukaran nota pada 27 Jun 1989, yang menyebabkan JCPC mempunyai bidang kuasa untuk mendengar rayuan dalam kes sivil di mana pihak-pihak dalam prosiding, sebelum pendengaran kes oleh Mahkamah Rayuan telah bersetuju secara bertulis untuk terikat dengan rayuan kepada JCPC.

Pengaturan ini mengecualikan JCPC daripada mempunyai bidang kuasa untuk mendengar perkara jenayah dan perlembagaan dan adalah selaras dengan status bebas NBD, sambil mengekalkan hubungannya dengan Mahkamah



**TIMBALAN** Presiden Mahkamah Besar United Kingdom, The Right Honourable Lord Patrick Stewart Hodge menyampaikan kuliah.

Agung UK.

Hadir pada kuliah tersebut ialah Pesuruhjaya Kehakiman, Awang Haji Abdullah Soefri bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin dan Pesuruhjaya Kehakiman, Awang Muhammed Faisal bin Pehin Datu Juragan Laila Diraja Kolonel (B) Dato Seri Pahlawan Haji Kefli. Turut hadir, Ahli-ahli Badan Kehakiman, Pejabat Peguam Negara dan Persatuan Undang-undang NBD.

**كشورين كصحتين**  
KEMENTERIAN KESEHATAN  
MINISTRY OF HEALTH

## Kanser Kolorektal

**Kanser kolorektal adalah kanser no. 1 di kalangan lelaki dan no. 2 di kalangan wanita di Negara Brunei Darussalam.**

**Kanser Kolorektal adalah penyebab bagi 22% kanser lelaki dan 12% kanser wanita**

**Faktor Risiko:**

- ✗ Lelaki mempunyai risiko yang lebih tinggi dari wanita.
- ✗ Mempunyai ahli keluarga yang menghidap kanser kolorektal.
- ✗ Pernah menghidap kanser kolorektal.
- ✗ Berat badan yang berlebihan.
- ✗ Merokok.
- ✗ Tidak aktif.
- ✗ Diet yang rendah serat dan tinggi lemak.
- ✗ Meminum minuman keras yang berlebihan.

**Langkah Pencegahan:**

- ✗ Tidak merokok.
- ✗ Meningkatkan aktiviti fizikal.
- ✗ Perbanyakkan memakan buah-buahan dan sayur-sayuran.
- ✗ Pengesanan awal untuk kanser kolorektal.
- ✗ Elakkan meminum minuman keras.

**Tanda-tanda kanser kolorektal:**

- ✗ Perubahan dalam pergerakan usus.
- ✗ Darah dalam najis.
- ✗ Sakit perut yang berpanjangan.
- ✗ Kembang perut.
- ✗ Kurang selera makan.

PHENESAN AWAL DAPAT MENYELAMAT NYAWA

**Salutawan Rias Awam**

Untuk maklumat lanjut mengenai Program Pemeriksaan Kanser Kolorektal, sila layari [www.ppkk.gov.bn](http://www.ppkk.gov.bn)





**PEJABAT PEGUAM NEGARA  
JABATAN PERDANA MENTERI**

**Bilangan Tawaran :**  
PPN / ASSET / BUU /  
CONTRACT / 2025 / 2 / 1

**Tajuk Tawaran :**

Term Contract  
(12) Months  
For Landscaping Work  
At The Law Building And  
The Law And Courts Building,  
Attorney General's Chambers,  
Jalan Raja Isteri Pengiran  
Anak Saleha,  
Bandar Seri Begawan

**Tarikh Tutup :**

Selasa,  
18 Mac 2025.  
Jam 12.00  
Tengah Hari.



**KEMENTERIAN PERTAHANAN**

**Pemberitahuan Tawaran  
Kementerian Pertahanan**

**Rujukan Tawaran :**

MINDEF / DFA / RC / 256(3)  
Supply Of Dog Medicines  
And Consumables For  
Gurkha Security Unit (GSU)  
– Three (3) Years Contract

**Tarikh**

**Tutup Tawaran :**

Selasa,  
15 April 2025.  
2.00  
Petang,



**MAHKAMAH BESAR  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**Di Dalam Mahkamah Tinggi  
Negara Brunei Darussalam  
Di Bandar Seri Begawan**

**Kes No.**  
**BCY / CP / 84 / 2024**

**Bank Islam Brunei Darussalam  
Berhad**

Pemiutang Penghakiman /  
Pemetisyen

**Hj Md Hisamuddin Bin Hj  
Zakeria**

BYIC No. 00-290081  
Penghutang Penghakiman /  
Penentang

**Notis Perintah Penerimaan**

Sila ambil perhatian bahawa:

a) Satu Perintah Penerimaan telah dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada **17 Oktober 2024**.

**Nama dan alamat terakhir  
diketahui:**

Hj Md Hisamuddin Bin Hj Zakeria  
No. 89, Simpang 119,  
Kampung Rimba Perumahan  
Rakyat Jati, BE3119,  
Brunei Darussalam.

**Tarikh Petisyen:**  
25 Ogos 2024

b) Semua Sipiutang-sipiutang kepada nama Penghutang yang tersebut di atas hendaklah menghadapkan borang-borang bukti hutang yang boleh diperolehi di **Pejabat Pegawai Penerima Rasmi** dengan seberapa boleh.

c) Semua hutang-hutang yang seharusnya dibayar kepada Penghutang tersebut di atas hendaklah dihadapkan kepada **Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 2, Bangunan Mahkamah Besar, Bandar Seri Begawan, Brunei Darussalam**.

**Bertarikh:**  
21 Januari 2025

**Notis Kepada Pemiutang Untuk  
Perjumpaan Pertama**

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh **17 Oktober 2024**.

Notis adalah dengan ini diberikan bahawa satu perjumpaan Pemiutang-pemiutang mengenai perkara di atas akan diadakan di **Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 1, Bilik (L1-10), Mahkamah Besar pada 19 Mac 2025 jam 9.30 Pagi**.

Bagi membolehkan kamu mengundi di sana bukti-bukti kamu mestilah diserahkan kepada

saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Proksi-proksi yang akan digunakan di perjumpaan ini mestilah diserahkan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Pemeriksaan awam bagi penghutang adalah ditetapkan pada **19 Mac 2025 jam 9.30 Pagi** di **Mahkamah Besar**. Mana-mana pihak Pemiutang yang telah menyerahkan bukti, atau wakil-wakilnya yang diberi kuasa secara bertulis, bolehlah menyoal penghutang semasa pemeriksaan awam penghutang, mengenai dengan hal-halnya dan juga sebab kegagalannya.

**Bertarikh:**  
21 Januari 2025

**Kes No.**  
**BCY / CP / 24 / 2009**

**Notis Mengenai Pembayaran  
Komposisi Ketiga**

**Nama Penghutang** - Halimah Binti Metussin (BYIC NO. 00-123095)  
**Alamat** – Jalan C, Simpang 64, No. 6, Kg Perpindahan Mentiri, Negara Brunei Darussalam **Mahkamah - Mahkamah Besar, Negara Brunei Darussalam Nombor - Kebankrapan Bil. 24 Tahun 2009 Banyaknya bagi tiap-tiap satu ringgit – 12 % Pertama atau terakhir selainnya – Ketiga Bila kena dibayar – 30 Disember 2024 Di Mana Kena Bayar – Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 2, Mahkamah Besar, Jalan Tutong, Negara Brunei Darussalam**.

**Tarikh:**  
22 Januari 2024

**Kes No.**  
**BCY / CP / 205 / 2022**

**Baiduri Finance Berhad**  
Pemiutang Penghakiman /  
Pemetisyen

**Zuraini Bin Paul**  
BYIC No. 01-031048  
Penghutang Penghakiman /  
Penentang

**Notis Perintah Penerimaan**

Sila ambil perhatian bahawa:

a) Satu Perintah Penerimaan telah dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada **5 September 2024**.

**Nama dan alamat terakhir  
diketahui:**

Zuraini Bin Paul  
No. 884, Kampung Rambai,  
Tutong TH1149,  
Brunei Darussalam.

**Tarikh Petisyen:**  
19 Oktober 2022

b) Semua Sipiutang-sipiutang kepada nama Penghutang yang tersebut di atas hendaklah menghadapkan borang-borang bukti hutang yang boleh diperolehi di **Pejabat Pegawai Penerima Rasmi** dengan seberapa boleh.

c) Semua hutang-hutang yang seharusnya dibayar kepada Penghutang tersebut di atas hendaklah dihadapkan kepada **Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 2, Bangunan Mahkamah Besar, Bandar Seri Begawan, Brunei Darussalam**.

**Bertarikh:**  
1 Februari 2025

**Notis Kepada Pemiutang Untuk  
Perjumpaan Pertama**

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh **5 September 2024**.

Notis adalah dengan ini diberikan bahawa satu perjumpaan Pemiutang-pemiutang mengenai perkara di atas akan diadakan di **Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 1, Bilik (L1-10), Mahkamah Besar pada 6 Mei 2025 jam 9.00 Pagi**.

Bagi membolehkan kamu mengundi di sana bukti-bukti kamu mestilah diserahkan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Proksi-proksi yang akan digunakan di perjumpaan ini mestilah diserahkan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Pemeriksaan awam bagi penghutang adalah ditetapkan pada **6 Mei 2025 jam 9.00 pagi di Mahkamah Besar**.

Mana-mana pihak Pemiutang yang telah menyerahkan bukti, atau wakil-wakilnya yang diberi kuasa secara bertulis, bolehlah menyoal penghutang semasa pemeriksaan awam penghutang, mengenai dengan hal-halnya dan juga sebab kegagalannya.

**Bertarikh:**  
1 Februari 2025

**Nurul Hidayah Binti Hamdan**  
Timbalan Pegawai Penerima  
Rasmi

B/P Penerima Rasmi  
Mahkamah Besar

**Kes No.**  
**BCY / CP / 328 / 2011**

**Notis Mengenai Pembayaran  
Komposisi Pertama**

**Nama Penghutang** - Bakri Bin Zakaria – Penghutang Penghakiman Kedua (BYIC NO. 00-057069) **Alamat** – No. 160,

Simpang 162, Kampung Panchor Papan, Tutong TA1941, Negara Brunei Darussalam **Mahkamah – Mahkamah Besar, Negara Brunei Darussalam Nombor – Kebankrapan Bil. 328 Tahun 2011 Banyaknya bagi tiap-tiap satu ringgit - 82 % Pertama atau terakhir selainnya - Pertama Bila kena dibayar - 24 Disember 2025 Di Mana Kena Bayar - Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 2, Mahkamah Besar, Jalan Tutong, Negara Brunei Darussalam**.

**Tarikh:**  
22 Januari 2025

**Kes No.**  
**BCY / ICWP / 14 / 2024**

**Syarikat (Penggulungan) No.**  
**BCY / ICWP / 14 / 2024**

**Dalam Perkara Akta Perintah  
Insolvensi (Penggulungan)  
Aturan 2018**

**Dalam Perkara Nas Concrete  
Sdn. Bhd.**

**Notis Insolvensi  
(Penggulungan)**

**Nama Syarikat:**  
Nas Concrete Sdn. Bhd.

**Alamat Pejabat Berdaftar:**

Unit 5, 2nd Floor,  
Lot 13110,  
Bangunan Abdul Ghafar,  
Simpang 646, Kampung Bunut,  
Jalan Tutong, BF1320,  
Brunei Darussalam.

**Tarikh Perintah Penggulungan:**  
25 Januari 2025

**Tarikh dan Tempat Perjumpaan:**

19 Mac 2025, jam 9.30 Pagi  
Pejabat Pegawai Rasmi,  
Mahkamah Besar,  
Jalan Raja Isteri Pengiran  
Anak Saleha,  
Negara Brunei Darussalam.

**Bertarikh:**  
30 Januari 2025.

(Di bawah Perintah Penggulungan bertarikh **25 Januari 2025**)

Notis adalah dengan ini diberikan bahawa **Perjumpaan Pertama Pemiutang** mengenai perkara di atas akan diadakan di **Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 1, Bilik (L1-11) Mahkamah Besar, pada 19 Mac 2025 jam 9.30 Pagi**.

Bagi membolehkan kamu mengundi di sana bukti-bukti hutang kamu mestilah diserahkan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.



>> Muka 14

Proksi-proksi yang akan digunakan di perjumpaan ini mestilah diserahkan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

**Bertarikh:**

30 Januari 2025

**Muhd Muzakkir Bin Haji Zakaria**

Timbalan Penerima Rasmi  
B/P Penerima Rasmi  
Mahkamah Besar  
Brunei Darussalam

**Kes No.**

BCY / CP / 162 / 2024

Perbadanan Tabung Amanah  
Islam Brunei



**JABATAN PERKHIDMATAN  
ELEKTRIK  
JABATAN TENAGA  
JABATAN PERDANA MENTERI**

**Iklan Tarikh Lanjutan**

**Jemputan Untuk  
Memberi Tawaran  
Jabatan Perkhidmatan Elektrik  
Jabatan Perdana Menteri  
Negara Brunei Darussalam**

**Bilangan Tawaran :**  
JPE / LTK / PDP / 030 / 2024

**Tajuk Tawaran :**  
Technical Maintenance  
of Beribi Substation GIS  
Over A Period of  
Two Years

**Tarikh Tutup :**  
Selasa,  
8 April 2025.  
2.00 Petang

**Yuran Tawaran :**  
BND500.00  
(Tidak dikembalikan)

**Tempat Tutup :**  
"Tender Box"  
Pengerusi Lembaga  
Tawaran Kecil,  
Jabatan Perdana Menteri,  
Bangunan Jabatan  
Perdana Menteri,  
Bandar Seri Begawan,  
BB3913,  
Negara Brunei Darussalam.

**Kelayakan :**  
Syarikat Yang Berdaftar Dengan  
Kementerian Pembangunan  
Dalam Kelas 3,4 Atau 5 Dan  
Mempunyai Kategori E03.

Dokumen-dokumen tawaran  
dan penerangan yang lanjut  
bolehlah diperolehi dari  
Bahagian Kaunter Unit Tawaran  
dan Sebut Harga, Tingkat 4,  
Jabatan Perkhidmatan Elektrik,  
Jabatan Perdana Menteri.

**Perhatian :**  
Sila sertakan salinan  
"BUSINESS NAMES  
ENACTMENT, 1958 – SECTION  
16 & 17" dan Sijil Pendaftaran  
Pemborong (MOD), semasa  
menghantar dokumen ini ke  
Jabatan Perkhidmatan Elektrik.

Pemiutang Penghakiman /  
Pemetisyen

**Awg Haji Wahid Bin A. Haji Tuah**

BYIC No. 00-268612

Penghutang Penghakiman /  
Penentang

**Notis Perintah Penerimaan**

Sila ambil perhatian bahawa:

a) Satu Perintah Penerimaan  
telah dibuat terhadap Penghutang  
yang berikut pada **24 Oktober  
2024**.

**Nama dan alamat  
terakhir diketahui:**

Awg Haji Wahid Bin A. Haji Tuah  
No. 5, Spg. 256-45-26-9,  
Rumah Kembar, Kg. Rimba,  
Brunei Darussalam.

**Tarikh Petisyen:**

30 November 2022

b) Semua Sipiutang-sipiutang  
kepada nama Penghutang yang  
tersebut di atas hendaklah  
menghadapkan borang-borang  
bukti hutang yang boleh  
diperoleh di **Pejabat Pegawai  
Penerima Rasmi** dengan  
seberapa boleh.

c) Semua hutang yang seharusnya  
dibayar kepada Penghutang  
tersebut di atas hendaklah  
dihadapkan kepada **Pegawai  
Penerima Rasmi, Tingkat 2,  
Bangunan Mahkamah Besar,  
Bandar Seri Begawan,  
Negara Brunei Darussalam**.

**Bertarikh:**

11 Januari 2025

**Notis Kepada Pemiutang  
Untuk Perjumpaan Pertama**

Di bawah Perintah Penerimaan  
bertarikh **24 Oktober 2024**.

Notis adalah dengan ini  
diberikan bahawa satu  
perjumpaan Pemiutang-pemiutang  
mengenai perkara di atas akan  
diadakan di **Pejabat Pegawai  
Penerima Rasmi, Tingkat 2,  
Bilik (L2-8), Mahkamah Besar  
pada 27 Februari 2025 jam 9.45  
Pagi**.

Bagi membolehkan kamu  
mengundi di sana bukti-bukti  
kamu mestilah diserahkan-  
simpan kepada saya tidak lewat  
dari 24 jam sebelum waktu  
yang ditetapkan bagi perjumpaan  
ini.

Proksi-proksi yang akan digunakan  
di perjumpaan ini mestilah diserah-  
simpan kepada saya tidak lewat  
dari 24 jam sebelum waktu yang  
telah ditetapkan bagi perjumpaan  
ini.

Pemeriksaan awam bagi  
penghutang adalah ditetapkan  
pada **27 Februari 2025 jam 9.45  
Pagi di Mahkamah Besar**.

Mana-mana pihak Pemiutang yang  
telah menyerahkan bukti, atau  
wakil-wakilnya yang diberi kuasa  
secara bertulis, bolehlah menyoal  
penghutang semasa pemeriksaan  
awam penghutang, mengenai  
dengan hal-halnya dan juga sebab  
kegagalannya.

**Bertarikh:**

11 Januari 2025

**Kamaliah Fadhilah Binti  
Haji Ibrahim**

Timbalan Pegawai Penerima  
Rasmi  
B/P Pegawai Penerima Rasmi  
Mahkamah Besar

**Kes No.**

BCY / CP / 365 / 2011

**Baiduri Finance Berhad  
[Previously filed by HSBC  
Finance (B) Berhad]**

Pemiutang Penghakiman /  
Pemetisyen

**Samsudin Bin Haji Ahmad**

BYIC No. 00-076098  
Penghutang Penghakiman /  
Penentang

**Notis Pembatalan**

Sila ambil perhatian bahawa  
Perintah Penerimaan yang dibuat  
terhadap Penghutang berikut pada  
**15 Mac 2012 telah dibatalkan  
pada 1 Februari 2025**.

**Nama Penghutang:**

Samsudin Bin Haji Ahmad

**Alamat Penghutang:**

No. 9, Jalan 99,  
Simpang 63,  
Perpindahan Rimba Gadong,  
Negara Brunei Darussalam.

**Bertarikh:**

3 Februari 2025

**Nuuror-Raheebah Binti Haji  
Abdul Wahab**

Timbalan Pegawai Penerima  
Rasmi  
B/P Penerima Rasmi  
Mahkamah Besar



**KEMENTERIAN PENDIDIKAN**

**MOE / LTK / 112 / 2024 / 2025  
(JPPE-FEB-2025)**  
Renovation And Upgrading  
Works For Pusat Kecemerlangan  
Pendidikan Inklusif  
"Center Of Excellence (COE)"  
Sekolah Rendah Panaga,  
Kementerian Pendidikan,  
Negara Brunei Darussalam.

Purpose Hall At Anthony Abell  
College, Seria, Belait District,  
Negara Brunei Darussalam.

**Kelas :**  
III Atau IV

**Kategori :**  
B01 & E01

**Kelas :**  
II Atau III

**Kategori :**  
B01 & E01

**Bayaran Yuran /  
Dokumen Tawaran :**  
BND30.00

[Bayaran Yuran / Dokumen  
Tawaran Tidak Dikembalikan]

**Tarikh Terakhir  
Mengambil Dokumen  
Tawaran :**  
5 Mac 2025.  
(Rabu)

**Tarikh Tutup  
Dan Waktu :**  
11 Mac 2025.  
Selasa.

[Tidak Lewat Jam  
12.00 Tengah Hari]

**MOE / LTK / 113 / 2024 / 2025  
(JPPE-FEB-2025)**  
Upgrading Works To Multi

**Bayaran Yuran / Dokumen  
Tawaran :**  
BND50.00

[Bayaran Yuran / Dokumen  
Tawaran Tidak Dikembalikan]

**Tarikh Terakhir Mengambil  
Dokumen Tawaran :**  
5 Mac 2025. (Rabu)

**Tarikh Tutup Dan Waktu :**  
11 Mac 2025.  
Selasa.

[Tidak Lewat Jam  
12.00 Tengah Hari]



## PERATURAN PENGIKLANAN (SEKTOR AWAM / KERAJAAN)

DI PELITA BRUNEI

IKLAN dalam salinan liut (*soft copy*)  
hendaklah dihantar dan diterima oleh  
Meja Iklan bagi **iklan Tawaran TIDAK  
kurang dari empat (4) minggu dan  
iklan Sebut Harga TIDAK kurang dari  
dua (2) minggu** sebelum tarikh iklan  
dicadangkan untuk diterbitkan.

Rang Iklan hendaklah jelas dan mudah  
dibaca menggunakan **Microsoft Word**  
dengan **Font ARIAL saiz 12** dan Rang  
Iklan tersebut **MESTILAH** dihantar  
menggunakan **BAHASA MELAYU  
SAHAJA**.

Sila sertakan dokumen-dokumen yang  
berkaitan dan nyatakan apa-apa  
keperluan iklan berkenaan, seperti  
tarikh terbitan untuk diiklankan dan  
sebagainya.

Iklan berkenaan bolehlah  
dihantar melalui :

E-MEL :

**iklan.pb@information.gov.bn**

BAGI SEBARANG PERTANYAAN SILA HUBUNGI :

**+673 2383400  
sambungan Meja Iklan**

SETIAP IKLAN YANG DIHANTAR PERLU MENYERTAKAN NAMA  
DAN NOMBOR TELEFON YANG MUDAH UNTUK DIHUBUNGI  
MENGENAI IKLAN TERSEBUT.

RUANG IKLAN ADALAH TERHAD.

IKLAN-IKLAN HENDAKLAH MEMATUHI TERMA DAN SYARAT.



# MEMUPUK SEMANGAT BERKONGSI REZEKI, MEMBANTU GOLONGAN MEMERLUKAN



PROGRAM Infak Mahabbah Ramadan sempena Semarak Hari Kebangsaan Kali Ke-41 anjuran Pejabat Hal Ehwal Ugama Daerah Tutong (atas dan kiri).

**TUTONG**, Sabtu, 1 Mac. - Program Infak Mahabbah Ramadan sempena Semarak Hari Kebangsaan Kali Ke-41 anjuran Pejabat Hal Ehwal Ugama Daerah Tutong bertujuan untuk memupuk semangat berkongsi rezeki dan membantu golongan yang memerlukan.

Inisiatif berkenaan diadakan sebagai usaha untuk menggalakkan pegawai dan kakitangan Pejabat Hal Ehwal Ugama, Daerah Tutong yang ingin menyumbang pada program berkenaan.

Program berkenaan

## Siaran Akhbar dan Foto : Pejabat Hal Ehwal Ugama Daerah Tutong

berlangsung hampir sebulan dan tarikh mula menerima sumbangan telah pun bermula dari 10 sehingga 27 Februari 2025. Manakala pengagihan sumbangan program berkenaan diadakan pada hari ini.

Tempat menerima sumbangan ialah di Dewan Serbaguna Pejabat Hal Ehwal Ugama Daerah Tutong, pengagihan juga turut dihantar ke rumah penerima yang terpilih.

Turut hadir bagi penyerahan Program Infak berkenaan, Penghulu Mukim Tanjong Maya,

Awang Mohd. Azaman Shah bin Haji Sahari; Ketua Pegawai Ugama, Daerah Tutong, Awang Haji Azman bin Haji Musa; Penolong Ketua Pegawai Ugama, Daerah Tutong, Awang Hamdani Othman; serta pegawai-pegawai dan kakitangan dari Pejabat Hal Ehwal Ugama Daerah Tutong.

ANTARA yang disumbangkan pada program berkenaan.



## Membiasakan diri dengan membaca ayat suci Al-Quran

### Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Hal Ehwal Masjid

**SENGKURONG**, Sabtu, 1 Mac. - Jabatan Hal Ehwal Masjid (JHEM), Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) melalui Bahagian Imarah dengan kerjasama beberapa Ahli Jawatankuasa Takmir (AJKT) Masjid terpilih mengadakan Tadabbur Surah Al-Fatihah bagi Kelas Al-Quran dan Muqaddam.

Sehubungan dengan itu, acara berkenaan telah berlangsung di Masjid Sultan Sharif Ali, Sengkurong.

Acara seumpama berkenaan juga diadakan serentak di masjid-masjid terpilih di keempat-empat daerah.

Tadabbur Surah Al-Fatihah telah disampaikan oleh Ketua Bahagian Imarah, JHEM, KHEU, Awang Haji Fansuri Sharimi@ Mansur bin Mohammad Ali.

Antara tujuan acara berkenaan diadakan adalah untuk melatih murid-murid supaya dapat membiasakan diri dengan ayat suci Al-Quran. Di samping itu, dapat melatih murid-murid supaya dapat menghafaz dan menghayati terjemahan Surah Al-Fatihah.

Semoga program seumpama berkenaan akan dapat membentuk kanak-kanak khususnya penuntut Kelas Al-Quran dan Muqaddam menjadi seorang yang dapat



TADABBUR Surah Al-Fatihah bagi Kelas Al-Quran dan Muqaddam yang berlangsung di Masjid Sultan Sharif Ali, Sengkurong.

membaca dan menghayati berkenaan dengan betul dan kefahaman Surah Al-Fatihah lancar.

**ANTARA** tujuan acara berkenaan diadakan adalah untuk melatih murid-murid supaya dapat membiasakan diri dengan ayat suci Al-Quran. Di samping itu, dapat melatih murid-murid supaya dapat menghafaz dan menghayati terjemahan Surah Al-Fatihah.

## Waktu perkhidmatan Jabatan Perkhidmatan Makmal sepanjang Ramadan

### Siaran Akhbar : Kementerian Kesihatan

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Sabtu, 1 Mac. - Kementerian Kesihatan melalui Jabatan Perkhidmatan Makmal ingin memaklumkan kepada orang ramai mengenai waktu perkhidmatan kaunter - kaunter di Bahagian Pengambilan Darah dan Pusat Penerimaan Spesimen serta Perkhidmatan Pendermaan Darah di Pusat Pendermaan Darah dan Tabung-tabung Darah di Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (Hospital RIPAS); Hospital Suri Seri Begawan (Hospital SSB); Hospital Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah (Hospital PMMPMHAMB) dan Hospital Pengiran Isteri Hajjah Mariam (PIHM) sepanjang Ramadan bagi tahun 1446 Hijrah / 2025 Masihi.

Waktu beroperasi kaunter-kaunter perkhidmatan di bahagian-bahagian di Jabatan Perkhidmatan Makmal ialah pada Isnin hingga Khamis dan Sabtu adalah seperti berikut, iaitu Perkhidmatan Pengambilan Darah dan Pusat Penerimaan Spesimen di Hospital RIPAS dan Hospital PIHM, Temburong bermula pukul 8.00 pagi hingga 1.30 petang.

Manakala Perkhidmatan Pengambilan Darah dan Pusat Penerimaan Spesimen di Hospital SSB, Kuala Belait dan Hospital PMMPMHAMB, Tutong bermula pukul 8.00 pagi hingga 1.45 petang.

Sementara Perkhidmatan Pendermaan Darah di Hospital RIPAS, Hospital SSB, Kuala Belait; Hospital PMMPMHAMB, Tutong; dan Hospital PIHM, Temburong bermula pukul 8.00 pagi hingga 1.00 petang.

Kaunter-kaunter perkhidmatan adalah ditutup pada setiap Jumaat dan Ahad serta Hari-hari Kelepasan Awam.

Untuk sebarang pertanyaan mengenai mana-mana perkhidmatan di Jabatan Perkhidmatan Makmal, bolehlah menghubungi jabatan menerusi talian +673 2242424 sambungan 6313 atau e-mel [laboratory@moh.gov.bn](mailto:laboratory@moh.gov.bn) atau [bloodbank@moh.gov.bn](mailto:bloodbank@moh.gov.bn).



# IMBASAN MINGGUAN



SEBAHAGIAN daripada orang ramai yang hadir pada Upacara Perhimpunan Agung Hari Kebangsaan Ke-41. - Foto : Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman.

SEBAHAGIAN daripada jemaah Sembahyang Fardu Jumaat yang pertama berduyun-duyun menuju ke Masjid An-Na'im, Kampung Panchor Mengkubau sempena pembukaan rasmi masjid berkenaan. - Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas.



ANTARA warga Pejabat Hal Ehwal Ugama Daerah Belait, Kementerian Hal Ehwal Ugama semasa berada di rumah salah seorang penerima terpilih bagi Program Bersama Memeduli (Ihtimam Ma'an). - Foto : Hernie Suliana Haji Othman.



SEBAHAGIAN Pelatih Pusat Pembangunan Belia (PPB) yang hadir pada Majlis Menuai Hasil Tanaman Lada Merah iaitu bagi 2,000 pohon tanaman cili (lada merah) yang ditanam oleh pemilik Syarikat Cahaya Agro, Awang Mohammad Wafiuddin bin Karim bertempat di PPB, Tanah Jambu. - Foto : Mohammad Hasif Matzin.



PARA peserta semasa mengadakan sesi pemanasan badan sempena acara Larian Hari Kebangsaan (National Day Run) 2025. - Foto : Mohamad Azmi Haji Awang Damit.



ANTARA pelajar yang menyertai Perlawanan Catur Persahabatan antara Sekolah Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah dan Sekolah Antarabangsa Seri Mulia Sarjana bersempena dengan Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-41, Tahun 2025. - Foto : Azmah Haji Ahad.



# سروك سروي

## مرايه كسمفور نان عبادہ فواس

جماعه يغ درحمني الله،

بر تقوى له كيت كحضرة الله ﷺ دغن منيغكتكن كلمانن كئفد. سسغكوهن اورغ يغ فالينغ مليا دسيسى الله ﷺ ايت اياهل اورغ يغ فالينغ بر تقوى. موده-مودهن كيت منجادي انسان يغ سنتياس مغايغي الله ﷺ براوله كحيان دان كسلامن دنيا دان جوك داخيرة.

جماعه يغ درحمني الله،

ماس بر لالو بكيكو فانتس، تنفا دسدري كيت تله فون برادا دفعهوجوغ بولن شعبان. سام اد يسوق اتافون لوسا كيت اكن ملغكه ماسوق كبولن رمضان. رمضان اداله بولن يغ فوه دغن كبركن. بولن يغ مغويباي باين كايستيميوآنن. بولن يغ دفنوهي دغن ليمقاهن رحمة دان رزقي يغ درساي اوله اومه اسلام. بولن سقرتمان يغ دسبوت اوله باكتدا ﷺ يغ ددالمن مغندوشي رحمة، كامقونن دان قمبياسن درفد افي نراك. دالم بولن اينله كيت دفريتهكن اوتنوق ملقسناكن عبادہ فواس.

سسوغكوهن بولن رمضان اداله بولن يغ ساعت ايستيميوآنن كران سكل عمل عبادہ يغ دلاكوكن اكن مندافت كنجرن فاهلا يغ برليقت كندا. درفد ابو هريرة رضى الله عنه ، رسول الله ﷺ برسيدا يغ بر مقصود: ستياف عمانن-أنق-أنق آدم ايت دليفتكنداكن، ساتو كبايجين دليفتكنداكن دغن سفولو هيغك توجه راتوس كالي كندا. الله بر فرمان: كجوالي فواس، سسوغكوهن فواس ايت اوتنوق اكو، دان اكو له يغ اكن ممري كنجرن فاهلان. اورغ يغ بر فواس ايت تله منيغكلكن نفسو شهوات، ماكن دان مينوم كران اكو. باكي اورغ يغ بر فواس اد دوا ككمبيرآن، ككمبيرآن كتيك بربوك دان ككمبيرآن كتيك اي منحومقاي توهنن. دان باو مولوت اورغ يغ بر فواس دهادفن الله ليه هاروم دري واغين كستوري. {حديث رواية امام مسلم}

جماعه يغ درحمني الله،

سسوغكوهن عبادہ فواس بوكن ستاكت مناهن ديري دري ماكن دان مينوم سهاج، سرت منوهي شرط ۲ صح دان روكونن دان تيدق ملغكر حال ۲ لايين يغ بمبطلكن فواس، تئاي جوك هندقله مناهن ديري درفد فربواتن ۲ يغ بوليه مروسقن اتو مغهافوسكن فهلا فواس. اوليه ايت، باكي مرايه كسمفورنان عبادہ فواس، تردافت اداب-اداب يغ فولو دجاك كتيك منجالني عبادہ فواس، انتاران:

**فرتام:** مغاول دان منوتوف فنداغن مات دري مليهت فركارا-فركارا يغ دحرامكن اوليه شرع دان دري مليهت فركارا-فركارا يغ بوليه ملالاين هاتي دري مغايغي الله ﷺ.

**كلوا:** منوتوف تليغا دري مندغر فركارا-فركارا يغ دحرامكن سوفاي تيدق تركولوغ كدالم كولوغن اورغ-اورغ يغ سوك مندغر برينا بو هوغ دان فركارا سيا-سيا.

**كتيك:** منحاك ليده دري مغلواركن كات-كات يغ تيدق برفانده سقرتي بربوال كوسوغ، ليه-ليه لاكي كيت سموا دتوتوت سوفاي منحاك ليده دري مغلواركن كات-كات يغ دحرامكن سقرتي مغومت، بردوستا، ميبباركن فننه دان ساومقامن. درفد ابو هريرة رضى الله عنه، رسول الله ﷺ برسيدا: **الصِّيَامُ جُنَّةٌ، فَلَا يَرْفُثُ وَلَا يَجْهَلُ، وَإِنْ امْرُؤٌ قَاتَلَهُ أَوْ شَاتَمَهُ فَلْيُقِلْ: إِنْ صَاتَمَ.**

مقصودن:

**فواس ايت اداله فريسي.** مك جاغئله دي (اورغ يغ بر فواس ايت) مغلواركن كات-كات كجي دان جاغئله دي بربوات فرلاكوان اورغ-اورغ جاهل. دان سكرآن سساورغ مغاغن برتغر اتاو مامي هامون دان منجلان، مك هندقله دي مغاغن: سسوغكوهن اكو سداغ بر فواس. {حديث رواية امام بخاري}

**كامقت:** ملبهارا سلوروه اغكوتا يغ لايين سقرتي تاغن، كاكي دان سباكايين دري ملاكوكن فركارا-فركارا يغ حرام دان تيدق برفانده.

جماعه يغ درحمني الله،

دالم ممفركاتاكن تنتغ وقتو بربوك فواس، اي اداله ساعت يغ دتوغكو-توغكو دان مغكمبيرآنن باكي اورغ-اورغ يغ سداغ بر فواس، يايستله همقير سهارى مناهن ديري دري ماكن دان مينوم سرتا مناهن ديري درفد فركارا يغ بمبطلكن فواس. انتارا تريند يغ دسوكاي ماس كيني اياهل برسوغكاي دلوار سقرتي دكداي-كداي ماكن اتاو دريستون-ريستون، ليه-ليه لاكي دبولن رمضان اين نتي تردافت باين فروموسي-فروموسي سوغكاي يغ تله داغلانن دغن تاورن هرك يغ ساعت ايستيميوآنن. اف يغ فولو دامبيل برت كتيك برسوغكاي دلوار اياهل:

**فرتام:** مندريكن سمبيغ فرض قد وقتون.

سمبيغ فرض واجب دتونيكن فد وقتون دان منيغكلكن سجارا سجاغ اتاو ملالاي-لالايكن سبيغك لوفوت وقتون، حكومن اداله بردوسا بسر. اوليه ايت، برهاتي-هاتيله كتيك منجامو سليرا سوتو برسوغكاي، جاغن ترالو اشيق ماكن هيغك وقتو سمبيغ فرض مغرب ترلفس.

**كلوا:** ملقسناكن سمبيغ سنة تراويح.

سمبيغ سنة تراويح اياهل سمبيغ سنة يغ ساعت دتوتوت (مؤكدة). مغرجاكنن فولا بوليه دلاكوكن سام اد سجارا برساورغن اتافون سجارا برجماعه. سمبيغ اين ساعت ايستيميوآنن كران اي هان دافت دلاكوكن فد مالم-مالم د بولن رمضان سهاج. اوليه ايت، دالم كسمقن برادا دبولن رمضان اين، تاغكله عزم اوتنوق منجاين مسجد سباكاي فقت عبادہ دسفنح بولن رمضان اين سقرتي ملقسناكن سمبيغ سنة تراويح، مباح القرآن، براعتكاف دمجد دان سباكايين.

**كتيك:** جاغن ماكن باين هيغك ترالو كيغ دان مغايلكن قمبيزن دالم فديان ماكن.

فد كيباسانن اقبيل سوده ترالو لافر، سساورغ موده تردوروغ اوتنوق ماكن باين هيغك ترالو كيغ. اوليه ايت، كاؤل له ميندا دان نفسو كتيك ماكن، دان ايلقن دري ماكن ترالو باين كران اي بوليه مندوروغ سساورغ ايت مراسا مالس دان سوكر اوتنوق برعباده ترماسوقله سمبيغ فرض دان سمبيغ سنة تراويح.

مانكالا دالم فديان ماكن فولا سام اد درومه اتاو دلوار، هندقله جوك سجارا سدهران اكر دافت مغايلكن قمبيزن. اين ترماسوقله جوك فربواتن مغمبيل ماكن يغ باين كدالم فيغكن كتيك برسوغكاي دمان كاداغ كالا ماكن يغ دامبيل ايت تيدق هاييس دماكن. بوكنكه فربواتن ترسبوت جوك اداله مبادير.

جماعه يغ درحمني الله،

سوده منجادي كيباسانن ايوباف مغاغن أنق-أنق اوتنوق بر فواس سباكاي لايين كقد مريك. اف يغ فتنيغ كيت هندقله مندبديق مريك دالم ملقسناكن عبادہ فواس اين دغن منجلسكن كقد مريك تنتغ كلبين، كنجرن دان كبركن بر فواس، دان اچكله مريك بر فواس دغن جارا له لمبوت دان برهيمه. سلاين ايت، اييو باف هندقله مغاغر أنق-أنق برسحور دان راعيكن مريك كتيك بربوك دغن فديان ماكن يغ دكماري دان ميبحتكن. سموك دغن ديديقن ترسبوت اكن دافت ملاتيه أنق-أنق اوتنوق بر فواس دغن اخلاص دان بوكنن كران ترقسا.

ماريله كيت موهون كحضرة الله ﷺ اكر دافت برغو دغن بولن رمضان دان دافت ملقسناكن عبادہ فواس ايت نتي دغن سمفورنا مغيكوت اداب-ادابن. سموك دغن دمكين كيت اكن دافت ليه مغحياتي روح دان معنى عبادہ فواس يغ سبئر. اخيرن سام-سامله كيت بردعاء سموك عبادہ فواس دان سكل عمل يغ دلاكوكن كلق دترما دان مندافت كنجرن درفد الله ﷺ. جوا. آمين يا رَبِّ العالمين.

تفسيرن:

واهاي اورغ-اورغ يغ برلمانا دواجبن كاتس كامو بر فواس سباكيمان دواجبن ائس اورغ-اورغ يغ سلوم كامو سوفاي كامو بر تقوى. { سورة البقره آية: ۱۸۳ }

بَارِكْ اللَّهُ لَنَا فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعْنَا بِالْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ. وَتَقَبَّلْ مِنَّا يَا رَبِّ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ، وَأَسْتَغْفِرُكَ اللَّهُ الْعَظِيمُ لِي وَلِكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ فَيَا فُوزَ الْمُسْتَغْفِرِينَ وَيَا نَجَاةَ النَّائِبِينَ.



# Perancangan fasiliti kemudahan mesra pengguna jemaah masjid

■ Berita dan Foto : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi

**PANCHOR MENGKUBAU**, Sabtu, 1 Mac. - Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) dan Jabatan Hal Ehwal Masjid (JHEM) sememangnya ada perancangan-perancangan pembinaan masjid-masjid baharu, fasiliti-fasiliti yang diutamakan oleh KHEU ialah untuk membina prasarana-prasarana yang mesra pengguna.

Menurut Pemangku Penolong Pengarah Hal Ehwal Masjid, Awang Haji Asminan bin Awang Haji Chuchu semasa ditemu bual pada pembukaan rasmi Masjid An-Na'im Kampung Panchor Mengkubau baru-baru ini selanjutnya berkata bahawa prasarana mesra pengguna yang menjadi salah satu kriteria utama itu antaranya bagi kegunaan warga Orang Kelainan Upaya seperti tempat berwuduk serta bilik air

selain penyediaan bilik pengurusan jenazah.

Awang Haji Asminan selanjutnya menjelaskan, memandangkan kawasan Masjid An-Na'im Kampung Panchor Mengkubau yang masih luas, pihak mereka juga merancang akan memasang batu gravel selain daripada tar dalam masa terdekat ini tertakluk kepada peruntukkan yang ada.

Penambahbaikan itu nanti jelasnya, akan menggunakan daripada bajet peruntukan berulang-ulang namun tertakluk kepada keutamaan dan kesesuaian bagi kegunaan masjid



**PEMANGKU** Penolong Pengarah Hal Ehwal Masjid, Awang Haji Asminan bin Awang Haji Chuchu.

dan penduduk berkenaan.

Selain itu, pihaknya juga menyambut baik para dermawan yang bermurah hati untuk turut sama menghulurkan sumbangan wakaf bagi kegunaan masjid sekali gus dapat memakmurkan dan mengimarahkan masjid dalam sama-sama dalam ganjaran pahala daripada Allah Subhanahu Wata'ala jua.

**Jangan Memandu Laju Sentiasa Berwaspada**

**Keselamatan Jalan Raya bergantung kepada ANDA dan SAYA**

Always Wear a seatbelt  
No mobile phones while driving  
Speeding is dangerous  
Do not drive under influence  
Wear helmet and proper attire while riding  
Always watch out for other road users  
Always check tyres

[www.mkkjr.gov.bn](http://www.mkkjr.gov.bn)

## PEMBINAAN MASJID SATU NIKMAT, KESEENANGAN BAGI PENDUDUK SETEMPAT

**PANCHOR MENGKUBAU**, Sabtu, 1 Mac. - Masjid An-Na'im, Kampung Panchor Mengkubau yang telah dibuka rasmi oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam baru-baru ini merupakan suatu nikmat dan kesenangan terutama sekali kepada penduduk Islam yang menetap di Rancangan Perumahan Negara (RPN) Kampung Panchor Mengkubau dan sekitarnya.

Para penduduk bukan sahaja teruja dan gembira malah bersyukur kerana adanya masjid baharu berkenaan menjadi satu wadah amalan peribadatan ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala selain kesenangan mempunyai masjid di kawasan RPN berkenaan sendiri bagi kegunaan warga setempat.

Pelita Brunei berkesempatan menemu bual beberapa penduduk kampung, iaitu Ketua Kampung Kawasan 2 RPN Kampung Panchor, Haji Awang Eddie Hardey bin Haji Ibrahim.

Menurutnya, pembukaan Masjid RPN Kampung Panchor Mengkubau ini setentunya dapat memberi keselesaan kepada penduduk kampung serta jemaah yang menunaikan sembahyang fardu lima waktu dan Sembahyang Fardu Jumaat di kampung ini yang mana sebelum ini penduduk kampung menunaikan ibadat sembahyang di masjid-masjid yang berdekatan yang menjadi tumpuan.

"Alhamdulillah dengan bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan limpah rahmat serta



**AWANG** Irwan bin Haji Awang Taha (kiri), Pegawai Hal Ehwal Masjid di Masjid An-Na'im, Kampung Panchor Mengkubau, Awang Muhammad Saifullah bin Haji Rosli (tengah) dan Ketua Kampung Kawasan 2 RPN Panchor, Haji Awang Eddie Hardey bin Haji Ibrahim (kanan). Manakala gambar bawah kiri, Awang Bolhassan bin Haji Abu Bakar.

izin-Nya jua pada tahun ini RPN Kampung Panchor Mengkubau telah pun mempunyai masjidnya tersendiri.

"Ini adalah merupakan detik yang bersejarah buat masyarakat dan penduduk di kampung ini setelah sekian lama ia dinantikan," katanya.

Selain itu, dengan perasmian masjid berkenaan jelasnya lagi, dihasratkan akan dapat digunakan oleh penduduk kampung untuk menjalankan aktiviti-aktiviti keagamaan seperti kelas-kelas mengaji Al-Quran, kelas dikir mahupun kelas-kelas pengajian yang boleh meningkatkan serta mengembangkan syiar Islam di RPN Kampung Panchor Mengkubau

aktiviti keagamaan dan kemasyarakatan, di samping menghidupkan dengan mengerjakan amalan ibadah di dalamnya.

Sementara Awang Bolhassan bin Haji Abu Bakar pula merafakkan syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan tersergam indah masjid yang baharu berkenaan, penduduk di RPN Kampung Panchor Mengkubau dapatlah mengimarahkan rumah Allah ini dengan aktiviti-aktiviti keagamaan terutama dengan menyambut ketibaan bulan suci Ramadan ini nanti.

Bagi Awang Irwan bin Haji Awang Taha yang sudah menetap sejak 2016 menyatakan dengan adanya pembinaan masjid di kawasan berkenaan merupakan satu penantian yang sememangnya ditunggu-tunggu dan berharap agar pihak berkenaan akan dapat lagi memperluaskan kawasan letak kereta yang begitu terhad pada masa ini.

Para penduduk di kampung ini melahirkan rasa gembira dan menyembahkan ucapan menjunjung kasih Kehadapan



**KETUA** Kampung Kawasan 4 RPN Kampung Panchor Mengkubau, Awang Faidil Rosemady bin Mohamad.

Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam melalui kerajaan baginda atas pengurniaan masjid bagi RPN Kampung Panchor Mengkubau, Mukim Mentiri berkenaan.



**MASJID** An-Na'im, Kampung Panchor Mengkubau.





## Bakwa produk keluaran anak tempatan kian dikenali

Oleh : Marlinawaty Hussin

Foto : Ihsan Mohammad Rayyan Haji Mohd. Sufian

**B**AKWA dikenali sebagai sejenis produk daging yang dikeringkan yang serupa dengan Lalap iaitu antara makanan yang digemari ramai dan kini sangat popular di negara kita. Bakwa, diproses dengan cara dagingnya disalai di atas arang dan bukannya dikeringkan dalam udara menyampaikan rasa asap ke dalam daging. Rasanya yang lebih manis dengan pelbagai variasi yang dikembangkan untuk memenuhi selera orang ramai terutama sekali penggemar Bakwa tersebut.

Bagi memperkenalkan makanan itu kepada pelbagai lapisan masyarakat di negara ini, Awang Mohammad Rayyan bin Haji Mohd. Sufian mengasaskan produk Heritage Bakwa selepas mendapati ia mempunyai peminat tersendiri.

Walaupun baru setahun beroperasi, beliau mengakui bahawa usaha memasarkan produk tersebut telah pun dibuat dua tahun sebelum ia mula dijual kepada orang ramai termasuk melaksanakan kajian, ujian produk, pemasaran dan penjenamaan.

Pemuda berdarah campuran Melayu dan Cina tersebut berkata, resipi Bakwa yang beliau hasilkan diperolehi daripada ibunya sendiri yang merupakan wanita muallaf keturunan Cina.

"Ibu saya mula membuat Bakwa kira-kira 30 tahun lalu selepas memeluk Islam.

"Ketika itu, pilihan halal bagi makanan Cina tidak begitu banyak dan ibu mula membuat dan memasak sendiri Bakwa agar kami

sekeluarga dapat menikmati juadah tradisi tersebut," katanya semasa ditemu bual Pelita Brunei.

Menurutnya, beliau akan menyediakan hidangan tersebut setiap kali tiba Sambutan Hari Raya Aidilfitri dan Tahun Baharu Cina.

"Bakwa yang dihasilkan oleh ibu saya adalah dengan alternatif menggunakan daging ayam.

"Malahan di Malaysia dan Singapura, di mana Bakwa ini memang terkenal, ramai penggemar telah menggantikan ia dengan daging lain termasuk daging (lembu), ikan atau itik.

"Walaupun bagaimanapun, produk Bakwa yang kami hasilkan setakat ini menggunakan daging ayam 100 peratus," ujarnya.

Bagi mengekalkan kualiti dan rasa makanan tersebut, beliau cuba untuk menghadkan penggunaan mesin dan memfokuskan kepada menghasilkan Bakwa dalam bentuk *handmade* dan hanya menggunakan mesin untuk membantu membuat Bakwa dalam jumlah yang besar tetapi proses pembuatannya bukan secara automasi.

Bercerita mengenai proses menghasilkan makanan tersebut, ujarnya, bahan-bahan akan dicampur dan digaul terlebih dahulu sebelum dikeringkan dalam ketuhar bagi menyingkirkan kandungan air, disusuli dengan proses penjemuran dan penyalaihan.

"Proses menghasilkan Bakwa agak ringkas tetapi mengambil masa kira-kira tiga hari untuk dibuat

kerana ia perlu diperap seharian atau 24 jam dan dipanaskan dalam ketuhar selama setengah hari.

"Keesokan harinya barulah kami mula menyalai Bakwa berkenaan dan seterusnya dibungkus bagi diedarkan kepada pelanggan," tambahnya.

Bagi memastikan kualiti dan rasa hidangan terjamin, Mohammad Rayyan masih menggunakan kaedah tradisional dengan memakai arang untuk proses penyalaihan bagi mengekalkan rasa berasap (*smoky flavor*).

"Cuma kami tidak menggunakan ketuhar arang tradisi dan sebaliknya menggunakan ketuhar konvensional bagi memanaskan Bakwa," katanya.

Menyentuh sambutan orang ramai pula di mana sambutan terhadap produk itu amat menggalakkan apabila lebih 2,000 unit terjual dalam masa lima hari semasa Mohammad Rayyan menyertai Pesta Pengguna dan Ekspo Perdagangan Ke-30 di Pusat Persidangan Antarabangsa Berakas, pada bulan lepas.

"Ia melebihi jangkaan dan kapasiti penghasilan kami dalam masa sehari memandangkan tenaga kerja dan fasiliti kami agak terhad.

"Oleh kerana kami tidak menggunakan sebarang pengawet untuk produk ini, ia mempunyai tempoh hayat simpanan (*shelf life*) yang singkat berbanding jerki biasa. Justeru, produk ini perlu dihasilkan dalam tempoh 24 jam sebelum ia mula dijual kepada pelanggan," katanya.

Jelasnya lagi, produk itu terus mendapat sambutan apabila set hadiah Heritage Bakwa sempena

Tahun Baharu Cina (CNY Gift Set) terjual lebih 600 kotak semasa musim perayaan baru-baru ini.

Tambahnya pula masa ini, mereka sedang memfokuskan kepada set hadiah sempena Sambutan Hari Raya Aidilfitri yang dijangka akan dikeluarkan dalam masa dua atau tiga minggu semasa bulan Ramadan.

Mula awal perjalanan beliau dalam penghasilan Bakwa ini pula di mana ia bermula dari rumah sebelum berpindah ke sebuah premis pada enam bulan lepas. Dengan modal permulaan sebanyak BND3,000, untuk membeli bahan-bahan membuat Bakwa tetapi juga melabur bagi penjenamaan serta pemasaran produk berkenaan.

Graduan Diploma Tahap 5 dalam Pemasaran Perniagaan ini turut menzahirkan rasa syukur atas sokongan ibunya yang banyak menyumbangkan idea, selain *team* beliau yang bertungkus-lumus membantu dalam memastikan operasi perniagaan berjalan lancar.

"Semasa mula-mula menubuhkan perniagaan ini, saya sendiri yang membuat semua tugas operasi termasuk memasak, membungkus dan menghantar produk kepada pelanggan," katanya.

Menyentuh mengenai reka bentuk bungkusan produk Heritage Bakwa, beliau cuba menggabungkan elemen budaya Melayu Brunei dan Cina termasuk menggunakan motif tempatan 'Ayer Muleh' yang dimodrenkan serta diubah suai mengikut gaya tersendiri.

"Walaupun produk ini makanan Cina, kami menambah elemen

Melayu Brunei dengan menggunakan ratus tempatan bagi memenuhi cita rasa penduduk di negara ini," ujarnya.

Beliau juga berharap agar dapat mengembangkan lagi produk berkenaan untuk menjadikan ia jenama tempatan yang dikenali di negara-negara jiran.

Namun terangnya ia bukanlah mudah dan banyak cabaran serta proses perlu dilalui untuk memasuki pasaran baharu tetapi akan cuba berusaha untuk mencari jalan bagi mencapai impian tersebut.

Selain itu, beliau akur akan cabaran lain yang perlu ditempuhi terutama dari sudut pemasaran dalam usaha memastikan produk tersebut kekal relevan dan tetap menambat hati pelanggan.

"Oleh itu, kami perlu meningkatkan usaha untuk terus kreatif dan inovatif antaranya dengan memperkenalkan perisa baharu. Di samping itu, kami turut aktif menyertai ekspo atau *pop-up* sale sekurang-kurangnya sebulan sekali memandangkan sambutan orang ramai terhadap produk ini lebih meriah pada acara berkenaan.

"InsyaAllah, kalau ada rezeki, kami akan membuka kedai fizikal bagi mempamerkan produk kami. Ini bagi memenuhi permintaan pelanggan yang ingin datang sendiri mengunjungi ruang pameran dan jualan produk ini.

"Orang ramai juga boleh membuat pembelian pada hari-hari biasa melalui laman sesawang Heritage Bakwa dan kami akan membuat penghantaran ke seluruh negara dalam masa 24 jam waktu bekerja," katanya.





# Kedatangan Ramadan tetamu istimewa, sudah bersediakah kita?

Rencana : Ak. Jeffery Pg. Durahman  
Foto : Jabatan Penerangan

**H**ARI ini merupakan hari kedua untuk semua umat Islam di Negara Brunei Darussalam menyambut satu bulan yang amat mulia iaitu Ramadan bagi Tahun 1446 Hijrah. Ramadan telah digambarkan dengan pelbagai perumpamaan seperti bulan penuh dengan keberkatan, bulan umat Islam beribadah dan sebagainya.

Malah, bulan ini juga telah dijamin dengan pelbagai bentuk kelebihan oleh Allah Subhanahu Wata'ala seperti digandakan pahala bagi amalan soleh pada-Nya, dibukakan pintu rahmat, ditutup pintu neraka, doa padanya dimakbulkan khususnya pada waktu sahur dan berbuka dan sebagainya. Ringkasnya, Ramadan yang kini datang menjelma adalah bulan yang semestinya membawa seribu satu kebaikan.

Ramadan bukan sekadar bulan menunaikan ibadah puasa, malah ia bulan penyucian jiwa, peningkatan ketakwaan serta pemangkin kepada perubahan positif dalam kehidupan manusia.

Allah Subhanahu Wata'ala berfirman yang bermaksud : *"Bulan Ramadan adalah (bulan) yang di dalamnya diturunkan Al-Quran sebagai petunjuk bagi manusia serta penjelasan mengenai petunjuk itu dan pembeda (antara yang benar dan yang batil)".* (Surah Al-Baqarah, ayat 185).

Selain itu, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam juga menegaskan keberkatan Ramadan dalam sebuah hadis : *"Apabila tiba Ramadan, dibuka pintu-pintu syurga, ditutup pintu-pintu neraka, dan syaitan-syaitan dibelenggu".* (Hadis Riwayat Bukhari dan Muslim).

Sebelum kehadiran Ramadan, terdapat dua bulan lebih awal dinamakan sebagai bulan Rejab dan Syaaban. Jika dapat disorot secara ringkas setiap bulan tersebut, maka kita akan dapat simpulkan bahawa kedua-dua bulan tersebut adalah sebagai permulaan kepada bulan Ramadan yang digandakan padanya lebih banyak kebaikan.

Kelebihan bulan Rejab ia merupakan bulan haram, bulan yang dimuliakan Allah

dikenali sebagai bulan permulaan ibadah, bulan di mana berlakunya peristiwa yang mulia, yakni Israk dan Mikraj, bulan yang digalakkan berpuasa pada hari-hari tertentu, dan beberapa kelebihan lain.

Begitu juga bulan Syaaban, antara bulan yang dicintai Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam, bulan diangkatnya amalan kepada Allah Subhanahu Wata'ala, terdapat malam yang penuh keberkatan dinamakan sebagai Nisfu Syaaban, pintu keampunan dan rahmat dibuka luas, digalakkan berpuasa pada hari-hari tertentu dan sebagainya.

Keistimewaan bulan Rejab dan Syaaban tersebut, juga satu keterkaitan langsung dengan bulan selepasnya, iaitu bulan Ramadan. Dalam erti kata lain, tidak dapat dinafikan bahawa dua bulan sebelum Ramadan merupakan medan latihan sebelum bertempur dalam satu bulan yang lebih getir. Latihan pada bulan sebelumnya itu bermaksud membiasakan diri dengan ibadah dalam beberapa bentuk seperti puasa sunat, memperbanyakkan zikir dan istighfar serta amalan-amalan yang lain.

Seperti lazimnya di negara kita, kehadiran bulan Ramadan akan disemarakan dengan pelbagai majlis-majlis keagamaan ini kerana pada bulan inilah seluruh umat Islam di dunia berlumba-lumba untuk mendapatkan rahmat dan menambah saham untuk akhirat.

Kedatangan tetamu istimewa kita ini iaitu Ramadan bakal membawa 1,001 macam kebaikan yang mampu kita raih. Namun persoalan patut berlegar pada minda kita adalah bagaimana persediaan untuk menghadapinya.

**Keberkatan Ramadan boleh diraih melalui pelbagai cara :**

**Menunaikan puasa dengan sempurna**

Puasa bukan sekadar menahan diri daripada makan dan minum tetapi juga melatih seseorang untuk mengawal nafsu dan menjaga akhlak. Puasa yang sempurna adalah apabila seseorang bukan sahaja menahan diri daripada perkara yang membatalkan puasa tetapi juga menghindari

perkara yang boleh mengurangkan pahala puasa, seperti berbohong, mengumpat dan melakukan perbuatan maksiat.

**Memperbanyakkan bacaan dan tadabbur Al-Quran**

Ramadan dikenali sebagai Bulan Al-Quran kerana Al-Quran diturunkan dalam bulan ini. Oleh itu, antara cara terbaik untuk meraih keberkatan Ramadan ialah dengan memperbanyakkan bacaan Al-Quran serta *mentadabbur* maknanya. Membaca, memahami dan mengamalkan ajaran Al-Quran bukan sahaja menambah pahala tetapi juga memberi ketenangan jiwa dan membimbing manusia ke arah kehidupan lebih baik.

**Memperbanyakkan qiamullail (solat malam)**

Solat Tarawih dan Tahajud adalah antara ibadah istimewa dalam bulan Ramadan yang boleh mendekatkan diri kepada Allah. Mengerjakan solat sunat pada waktu malam, terutama di 10 malam terakhir Ramadan, juga merupakan satu usaha mendapatkan Lailatulqadar, malam yang lebih baik daripada seribu bulan.

**Memperbanyakkan doa dan zikir**

Ramadan adalah bulan doa. Berdoa dan berzikir bukan sahaja menenangkan jiwa tetapi juga mendekatkan hati kepada Allah. Antara doa yang dianjurkan dalam Ramadan adalah doa memohon keampunan, doa untuk kesejahteraan dunia dan akhirat.

**Bersedekah dan bantu golongan memerlukan**

Bersedekah di bulan Ramadan mempunyai kelebihan yang besar. Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam adalah manusia paling pemurah dan Baginda menjadi lebih pemurah pada Ramadan. Bentuk sedekah yang boleh dilakukan termasuk memberi makan fakir

miskin, menyalurkan sumbangan kepada rumah kebajikan atau membantu jiran dan sahabat.

**Amalkan gaya hidup sihat**

Ramadan adalah masa yang baik memperbaiki tabiat pemakanan dan gaya hidup. Antara amalan sihat yang boleh dilakukan termasuk mengambil makanan seimbang ketika sahur dan berbuka puasa. Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam menggalakkan umatnya untuk bersahur kerana terdapat keberkatan di dalamnya.

**Menjaga hubungan dengan keluarga, masyarakat**

Ramadan juga adalah masa terbaik untuk memperbaiki hubungan dengan keluarga dan masyarakat. Islam menggalakkan umatnya untuk menjaga hubungan silaturahim dan menjauhi perbalahan.

**Memanfaatkan 10 malam terakhir Ramadan**

Waktu yang sangat istimewa kerana di dalamnya terdapat Lailatulqadar, malam yang lebih baik daripada seribu bulan. Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam sangat bersungguh-sungguh dalam beribadah pada waktu ini.

Bulan ini juga dijamin dengan pelbagai bentuk kelebihan oleh Allah Subhanahu Wata'ala seperti digandakan pahala bagi setiap amalan soleh, dibukakan pintu rahmat, ditutup pintu neraka, doa dimakbulkan khususnya pada waktu sahur dan berbuka.

Oleh itu, umat Islam perlu bersedia dari segi jasmani, rohani dan minda bagi mengisi kehadiran Ramadan tahun ini serta mengatur amal soleh berkualiti sepanjang bulan itu. Awasi diri daripada sebarang bentuk kerugian sebaliknya berusaha merebut 'lambakan' rahmat dan kebaikan Allah Subhanahu Wata'ala pada bulan mulia ini.





# MWNBD ANJUR MAJLIS PEMBUKAAN TADARUS

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid  
Foto : Azmah Haji Ahad



**MANGGIS**, Ahad, 2 Mac. - Bagi mendekati diri dengan Al-Quran dan menyemarakkan lagi bulan Ramadan, Majlis Wanita Negara

Brunei Darussalam (MWNBD) telah menganjurkan Majlis Pembukaan Tadarus bagi ahli-ahlinya bertempat di kediaman

bacaan masing-masing selain meningkatkan lagi hubungan silaturahmi dalam kalangan semua ahli persatuan yang bergabung dengan MWNBD.

Naib Yang Dipertua juga mengucapkan setinggi penghargaan kepada ahli-ahli jawatankuasa keagamaan dari Persatuan PGGMB yang telah merancang, mengatur dan melaksanakan majlis bertadarus secara bergilir-gilir dan pembahagian juz bagi setiap persatuan.

Semoga aktiviti tahunan majlis bertadarus sempena bulan Ramadan ini akan terus diadakan untuk menyerikan hari-hari dalam bulan Ramadan dan untuk meraih pahala pada bulan yang mulia ini. Majlis diteruskan dengan bacaan Tadarus Juzuk 1 Surah Al-Baqarah dimulakan oleh Naib Yang Dipertua 1 MWNBD.

Kemudian majlis diteruskan dengan bacaan doa selepas membaca Al-Quran oleh Pengiran Hajah Rakhiah binti Pengiran Haji Abu Bakar manakala bacaan Tahliil dan Doa Tahliil diketuai oleh Ahli PKP, Dayang Julianawati binti Haji Hamdan dan bacaan Doa Allah Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam oleh Ahli Persatuan PERTIWI, Dayang Hajah Fatimah binti Haji Ahmad.



**SEKITAR** Majlis Pembukaan Tadarus bagi Ahli-ahli Majlis Wanita Negara Brunei Darussalam (MWNBD) yang diadakan di kediaman Naib Yang Dipertua 1 MWNBD, Pengiran Datin Paduka Hajah Mariam binti Pengiran Haji Matarsat, Kampung Manggis (kiri dan atas).

Bulan Ramadan adalah bulan yang di dalamnya diturunkan Al-Quran sebagai petunjuk serta pedoman hidup bagi umat manusia. Bertadarus Al-Quran merupakan langkah awal dalam rangka membuat seseorang mencintai Al-Quran dan memperbaiki lagi bacaan Ahli-ahli MWNBD.

## Operasi Panyap kesan pelbagai kesalihan

Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Sabtu, 1 Mac. - Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan (JIPK) telah pun melaksanakan empat operasi penguatkuasaan undang-undang di bawah Operasi Panyap yang mana menyasarkan kepada beberapa buah lokasi di Negara Brunei Darussalam (NBD). Adapun tujuan operasi berkenaan diadakan adalah bagi menguatkuasakan akta dan peraturan yang dipertanggungjawabkan di bawah JIPK termasuk Akta Anti Permerdagangan Orang, Penggal 230 dan Akta Pencegahan Penyeludupan Orang, Penggal 229.

Operasi Panyap 17 / 2025 telah menyasarkan di projek rumah baharu di Mukim Liang. Hasil pemeriksaan didapati tiga warga asing telah ditahan dan dibawa ke Bahagian Penguatkuasaan Undang-Undang kerana dipercayai melakukan kesalahan di bawah Bab 15(1), Akta Imigresen, Penggal 17 iaitu tinggal lebih masa di negara ini setelah Pas Imigresen mereka mansuh.

Sementara Operasi Panyap 19 /

2025 pula menyasarkan di sebuah restoran di Mukim Sengkurong dan mendapati seorang warga asing telah ditahan dan dibawa ke Bahagian Penguatkuasaan Undang-Undang untuk siasatan lanjut.

Individu dipercayai melanggar Peraturan 15(2), Peraturan Imigresen, Penggal 17 iaitu bekerja bukan dengan majikan asal dan kesalahan di bawah Peraturan 15(3), Peraturan Imigresen, Penggal 17 iaitu bekerja tidak mengikut jawatan yang tertera di dalam pasport.

Bagi Operasi Panyap 21 / 2025 yang menyasarkan di kawasan letak kereta gedung perniagaan di Mukim Gadong 'B' telah berhasil menahan dua warga asing dipercayai melanggar Peraturan 15(3), Peraturan Imigresen, Penggal 17 iaitu bekerja tidak mengikut jawatan yang tertera di dalam pasport.

Manakala Operasi Panyap 24 / 2025 pula menyasarkan di Pasar Tani Setenaga di Mukim Sengkurong dan berhasil menahan seorang warga asing atas kegagalan mengemukakan

sebarang dokumen yang sah.

JIPK ini juga turut melaksanakan Operasi Bersepadu Panyap 22 / 2025 yang dikendalikan oleh Bahagian Penguatkuasaan Undang-Undang, Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan, Cawangan Kuala Belait di beberapa buah rumah pekerja asing di kawasan Mukim Liang dan Mukim Kuala Belait bersama agensi-agensinya penguat kuasa daripada Pasukan Polis Diraja Brunei, Jabatan Kastam dan Eksais Diraja dan Jabatan Buruh, Cawangan Kuala Belait.

Hasil daripada operasi bersepadu tersebut, seramai tujuh warga asing ditahan dan dibawa ke Bahagian Penguatkuasaan Undang-Undang setelah gagal mengemukakan sebarang dokumen yang sah.

JIPK seterusnya mengalu-alukan orang ramai bagi



sama-sama memberikan maklumat berhubung dengan pesalah imigresen dengan menghubungi Talian Hotline JIPK

menerusi talian +673 8734888 / +673 8753888 (Bandar Seri Begawan) / +673 8984111 (Kuala Belait).



**OPERASI** penguatkuasaan undang-undang di bawah Operasi Panyap yang mana menyasarkan kepada beberapa buah lokasi di Negara Brunei Darussalam (atas dan atas kanan).



## MINDA PEMBACA

**TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :**

1. 'Hargai Khazanah Alam Semula Jadi'. Tarikh Tutup : 5 Mac 2025
2. 'Bersatu Mencapai Cita Negara'. Tarikh Tutup : 12 Mac 2025
3. 'Elakkan Pembaziran, Budayakan Amalan Bersederhana'. Tarikh Tutup : 19 Mac 2025

**TERMA DAN SYARAT :**

1. Penyertaan dibuka kepada orang ramai yang berusia lingkungan 15 hingga 40 tahun, yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
2. Pendapat awda hendaklah ditaip jarak langkau dua baris dan panjang pendapat awda mestilah antara 200 hingga 300 patah perkataan.
3. Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon hendaklah disertakan dan dihantar kepada :

**SIDANG PENGARANG MINDA PEMBACA**  
Bahagian PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan  
Lapangan Terbang Lama, Berakas  
Bandar Seri Begawan, BB3510  
Negara Brunei Darussalam atau melalui e-mel :  
[pelita.brunei@information.gov.bn](mailto:pelita.brunei@information.gov.bn)

**Menangi**  
**BND75**  
SETIAP MINGGU

Tunggu apa lagi ... Hantarkan pendapat awda sekarang



# PENJAGA GOL BUANG MASA AKAN DIHUKUM DENGAN SEPAKAN SUDUT DI BAWAH PERATURAN BAHARU



**ANKARA, 2 Mac.** - Lembaga Persatuan Bola Sepak Antarabangsa (IFAB) pada Sabtu mengumumkan kelulusan peraturan baharu bagi menangani tindakan membuang masa oleh penjaga gol, lapor Anadolu Ajansi (AA).

Dalam Mesyuarat Agung Tahunan (AGM) ke-139 di Belfast, Ireland Utara, IFAB sebulat suara bersetuju untuk meminda peraturan mengenai sepakan percuma tidak terus.

Di bawah peraturan baharu itu, jika penjaga gol memegang bola

lebih daripada lapan saat — selepas kira detik visual selama lima saat oleh pengadil -- pasukan lawan akan diberikan sepakan sudut.

Sebelum ini, penjaga gol dikehendaki melepaskan bola dalam tempoh enam saat, dan

sekiranya gagal, pasukan lawan akan diberikan sepakan percuma tidak terus, namun peraturan ini jarang dikuatkuasakan.

Selain itu, IFAB turut memperkenalkan peruntukan baharu kepada protokol Video Bantuan Pengadil (VAR), yang

mbolehkan pengadil membuat pengumuman selepas semakan VAR atau semakan VAR yang dilanjutkan.

Dalam satu kenyataan, IFAB juga menekankan garis panduan baharu yang memperkukuh prinsip bahawa hanya kapten pasukan dibenarkan menghampiri pengadil dalam situasi tertentu. - ©BERNAMA

# Sweden sokong perjanjian perdagangan bebas EU-Malaysia untuk perkukuh hubungan ekonomi

**KUALA LUMPUR, 1 Mac.** - Sweden menyatakan sokongan penuh terhadap perjanjian perdagangan bebas (FTA) antara Kesatuan Eropah (EU) dan Malaysia, dengan harapan ia dapat dimuktamadkan tahun ini bagi merangsang kerjasama ekonomi serta menarik lebih banyak pelaburan dari Eropah.

Timbalan Speaker Parlimen Ketiga Sweden, Kerstin Lundgren berkata perjanjian itu berpotensi meningkatkan kehadiran Malaysia dalam pasaran Eropah serta menjadi pemangkin kepada kerjasama ekonomi lebih luas antara ASEAN dan EU.

"Kami akan menyokong usaha ini dan saya berharap ia dapat dimeterai tahun ini.

"Perjanjian perdagangan bebas dengan EU dapat membantu Malaysia berkembang lebih baik serta menarik lebih banyak pelaburan langsung asing dari Eropah.

"Ia juga boleh membuka peluang bagi negara Asia Tenggara lain," katanya dalam temu bual eksklusif bersama

Bernama.

Pada Januari lalu, Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim dan Presiden EU Ursula von der Leyen mengumumkan penyambungan semula rundingan FTA Malaysia-EU selepas tertangguh lebih sedekad disebabkan kebimbangan terhadap dasar pemerolehan minyak sawit dan klausa kelestarian.

Pejabat Perdana Menteri (PMO) menyatakan bahawa usaha itu menandakan pencapaian penting dalam memperkukuh hubungan ekonomi Malaysia dengan satu daripada blok perdagangan terbesar dunia serta menunjukkan komitmen negara untuk memperkukuh kerjasama ekonomi dengan EU.

Sebagai sebahagian daripada komitmen Sweden terhadap Malaysia, Lundgren menekankan kepentingan memperkukuh kerjasama dalam perdagangan, kelestarian dan tadbir urus dalam rangka kerja ASEAN.

Beliau turut mengetengahkan teknologi hijau serta kerjasama akademik sebagai bidang utama

untuk diperluaskan, manakala syarikat Sweden sudah pun melabur dalam sektor tenaga boleh diperbaharui serta penyelesaian kecekapan tenaga di Malaysia.

"Malaysia mempunyai kepakaran dalam pelbagai bidang, terutama dalam iklim panas dan sebagai sebuah negara di kawasan utara, adalah penting bagi kami untuk belajar daripada pengalaman anda," katanya.

Lundgren menegaskan bahawa pelaburan itu mengukuhkan peranan Malaysia sebagai rakan strategik dalam usaha kelestarian, sambil menambah bahawa kepimpinan Malaysia dalam ASEAN serta agenda kemampuannya selari dengan keutamaan Sweden dalam kerjasama ekonomi dan diplomatik serantau.

Selain perdagangan, Lundgren turut berkongsi pandangan mengenai sistem parlimen Sweden, dengan membandingkan sistem satu dewan (Riksdag) di negeranya dengan sistem dwidewan yang diamalkan di Malaysia.

Beliau menjelaskan bahawa sistem parlimen Sweden yang diperkenalkan pada 1974 bertujuan mengukuhkan demokrasi dengan memastikan perwakilan rakyat secara langsung dalam keputusan kerajaan.

Lundgren, yang berperanan besar dalam parlimen Sweden, turut menekankan kepentingan penyertaan wanita dalam politik.

Menurutnya, wanita kini merangkumi 47 peratus daripada keseluruhan ahli parlimen

Sweden, hasil daripada usaha parti politik yang aktif mempromosikan kesaksamaan jantina melalui sistem pilihan raya yang menggalakkan penyertaan wanita.

"Kami cuba melakukan yang terbaik. Kami bukan yang teratas, tetapi kami telah mencapai kemajuan," katanya, merujuk kepada pemilihan perdana menteri wanita pertama Sweden pada November 2021 serta peningkatan jumlah wanita dalam jawatan kepimpinan. - ©BERNAMA

# Jurutera muda terpesona dengan robotik di Hangzhou

**HANGZHOU, 1 Mac.** - Yang Jun, dilahirkan pada 2003, seorang jurutera dalam pasukan sokongan teknikal di firma robotik yang berpangkalan di Hangzhou, DEEP Robotics. Peminat model anime dan mech, dia mengambil jurusan sains komputer dan teknologi di kolej dan log masuk dalam perjalanan hidup yang diimpikannya selepas tamat pengajian.

DEEP Robotics ialah perusahaan berteknologi tinggi di peringkat negeri, khusus dalam inovasi dan aplikasi "teknologi AI yang terkandung." Kebanyakan ahli pasukan Yang berumur antara 20 hingga 30 tahun, ditugaskan dengan demonstrasi produk, pemasangan dan penyahpejipatan di tapak serta penyelenggaraan selepas pemasangan untuk pelanggan.

Memandangkan bandar tuan rumah mereka menarik minat yang semakin meningkat dalam bidang inovasi teknologi sains, Yang dan rakan sekerjanya perlu menerima hampir 40 kumpulan pelanggan dan pelabur setiap hari.

Bandar ini sangat mesra dengan inovasi, yang telah menarik Yang untuk meneruskan kerjayanya di sini. "Saya menikmati suasana buzz untuk penerokaan tanpa henti di barisan hadapan industri," kata Yang. - ©XINHUA



**YANG Jun** menguji robot berkaki empat di Hangzhou, Wilayah Zhejiang di Timur China.

## Ramadan di Gaza suram, dibelenggu duka kehilangan insan tersayang

**GAZA, 1 Mac.** - Ketika umat Islam seluruh dunia menyambut kedatangan Ramadan dengan penuh kerian dan keterujaan, suasana suram dan pilu menghimpit penduduk Gaza yang terus diselubungi perasaan kehilangan insan tersayang akibat konflik berpanjangan.

Muhammad Attaullah, 17, yang ditemui wartawan Agensi Berita dan Maklumat Palestin (WAFA) di tengah bandar Gaza, hanya mampu memandang sayu deretan gerai yang dihiasi lampu dan juraijan seadanya sempena ketibaan bulan mulia itu.

"Ini Ramadan kedua tanpa ayah di sisi kami," katanya sebak.

Detik hitam pada 12 Feb tahun lalu, masih jelas di ingatan apabila ayahnya nekad ke Duwar Kuwait di selatan Gaza untuk mencari rezeki meskipun berdepan ancaman serangan Israel.

"Saya merayu supaya beliau tidak pergi, tetapi beliau tetap berkeras. Beliau pergi dan tidak kembali lagi.

"Jika meninggal dunia, mungkin saya boleh menerima kenyataan itu. Tetapi sehingga kini, beliau masih dianggap hilang," katanya.

"Ada yang beranggapan beliau sudah tiada. Itu lebih menyakitkan," luahnya pilu.

Ruba, 13, turut mengalami nasib serupa selepas kehilangan seluruh ahli keluarganya dalam serangan ke atas sebuah sekolah yang menjadi tempat perlindungan mereka.

"Ibu, ayah dan adik-beradik saya semuanya telah tiada. Hanya saya dan nenek yang masih hidup," katanya dengan suara bergetar.

"Dengan siapa saya akan berbuka puasa? Dengan siapa saya menanti azan? Siapa yang akan menyambut Aidilfitri bersama saya?" soalnya, seolah-olah masih berharap semua itu hanyalah mimpi buruk.

Gaza memasuki Ramadan kedua dalam keadaan serba kekurangan di samping krisis kemanusiaan yang semakin parah, selepas serangan Israel pada Oktober 2023.

Menurut sumber perubatan, sekitar 10,000 penduduk dilaporkan hilang, manakala ramai dipercayai masih tertimbus di bawah runtuhan.

Agensi kemanusiaan pula melaporkan lebih 70 peratus penduduk Gaza kini bergantung sepenuhnya kepada bantuan makanan, manakala sistem kesihatan hampir lumpuh akibat kekurangan ubat-ubatan dan tenaga perubatan.

Pelbagai entiti antarabangsa terus mendesak agar bantuan kemanusiaan dipercepatkan bagi meringankan penderitaan penduduk yang terpaksa menjalani Ramadan dalam suasana penuh kesukaran.

Fasa pertama gencatan senjata di Gaza dijadual berakhir hari ini, namun masih belum jelas sama ada Israel akan mencadangkan lanjutan fasa berkenaan.

Sejak konflik tercetus, serangan Israel meragut lebih 160,000 nyawa rakyat Palestin dan mencederakan ribuan lagi. - ©BERNAMA





ePaper Pelita Brunei



## PUPUK GAYA HIDUP SIHAT MELALUI SUKAN BOLING



Oleh : Dk. Hajah Naqayatul Akma Pg. Haji Ali  
Foto : Ihsan Pusat Kegiatan Warga Emas, Daerah Brunei dan Muara

**BANDAR SERI BEGAWAN,** dan Pasukan Pertiwi  
Sabtu, 1 Mac. - Pasukan Perwira masing-masing menjuarai bagi

Kategori Peserta Lelaki Berkumpulan dan Kategori Peserta Perempuan Berkumpulan semasa Pertandingan Boling Kali Pertama anjuran Pusat Kegiatan Warga Emas, Daerah Brunei dan

**TIMBALAN** Pengarah Belia dan Sukan, Awang Haji Mohammad Rosfazilah bin Haji Yusly hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyempurnakan penyampaian hadiah kepada para pemenang.

Masing-masing juga meraih pemenang *strikes* bagi peserta lelaki dan juga perempuan.

Hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyempurnakan penyampaian hadiah kepada para pemenang ialah Timbalan Pengarah Belia dan Sukan, Awang Haji Mohammad Rosfazilah bin Haji Yusly.

Terdahulu, pertandingan dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah oleh Awang Haji Ghafar bin Haji meludin. Seramai 30 peserta telah menyertai pertandingan terdiri daripada 15 orang lelaki dan 15 orang perempuan.

Adapun tujuan diadakan pertandingan ini adalah untuk sama-sama mewujudkan gaya hidup sihat sambil mengeratkan silaturahim. Selain itu juga, untuk menyemarakkan lagi Sambutan HK NBD Ke-41.

Muara (PKWE DBM) bersempena dengan Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan (HK) Negara Brunei Darussalam Ke-41, Tahun 2025 yang berlangsung di I Bowling, baru-baru ini.

Sementara itu, Awang Haji Bakar bin Burut dan Dayang Hajah Azizah binti Haji Ahmad pula masing-masing menjuarai bagi Kategori Peserta Lelaki dan Peserta Perempuan.

## NBD mengalu-alukan Lawatan Suai Kenal ejen pelancongan golf terkemuka

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Sabtu, 1 Mac. - Jabatan Kemajuan Pelancongan telah menganjurkan Lawatan Suai Kenal untuk 10 ejen pelancongan golf terkemuka dari Hong Kong, Thailand dan Singapura.

Berlangsung dari 23 hingga 28 Februari, lawatan itu dijalankan dengan kerjasama pihak berkepentingan pelancongan utama, termasuk syarikat penerbangan nasional, agensi pelancongan dan penyedia penginapan.

Jadual perjalanan memaparkan pengalaman menarik ke beberapa padang golf yang terkenal, termasuk The Empire Golf & Country Club yang baru diubah suai dan juga Royal Brunei Golf & Country Club yang berprestij, bersama-sama dengan Royal Brunei Airlines Golf Club dan Pantai Mentiri Golf Club.

Sorotan utama perjalanan itu ialah kejohanan mini yang menarik, di mana para peserta berpeluang bermain pusingan 18 lubang lengkap dengan pemain tempatan, memberikan mereka pengalaman tenang tentang landskap golf yang luar biasa di negara ini.

Selain aktiviti bermain golf, ejen juga berpeluang menerokai



**JABATAN** Kemajuan Pelancongan semasa menganjurkan Lawatan Suai Kenal untuk 10 ejen pelancongan golf terkemuka dari Hong Kong, Thailand dan Singapura.

pemandangan budaya dan semula jadi di negara ini melalui lawatan ke Bandar Seri Begawan di mana mereka menerokai mercu tanda ikonik dan menikmati masakan tradisional Brunei di restoran tempatan.

Sorotan termasuk lawatan ke Kampong Ayer dan lawatan bakau yang menampilkan Monyet Proboscis. Kumpulan itu juga melawat ke Masjid Omar 'Ali Saifuddin dan Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah, memberikan gambaran sekilas tentang sejarah Brunei yang kaya dan budaya tempatan

yang bertenaga.

Statistik pelancongan menyerlahkan tarikan Brunei yang semakin meningkat kepada pelancong dari Hong Kong, Thailand dan Singapura. Menjelang Disember 2024, bilangan pelawat dari wilayah ini meningkat daripada 20,801 kepada 43,274 secara terkumpul berbanding tahun sebelumnya.

Pertumbuhan ini memberikan peluang untuk menyasarkan pasaran ini untuk pengalaman bermain golf khusus, seterusnya menjadikan Brunei sebagai

**Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Kemajuan Pelancongan**

destinasi golf utama di Asia Tenggara.

Jabatan Kemajuan Pelancongan telah menggariskan rancangan komprehensif untuk 2025 untuk terus melibatkan pasaran ini. Rancangan termasuk peningkatan penyertaan dalam ekspo antarabangsa, menganjurkan lebih banyak perjalanan suai kenal khusus dan meningkatkan strategi pemasaran digital untuk menarik lebih ramai pelawat dari wilayah ini.

Dengan terus menembusi pasaran antarabangsa utama dengan tawaran pelancongan khusus, jabatan ini berhasrat untuk mempamerkan tarikan pelancongan komprehensif Brunei kepada industri pelancongan global.

Untuk maklumat lanjut mengenai aktiviti dan tawaran pelancongan Brunei, layari laman sesawang rasmi pelancongan Brunei di [www.bruneitourism.com](http://www.bruneitourism.com) atau @info.bruneitourism di Instagram.

BERITA-BERITA HARIAN BOLEH DIKUTI DI LAMAN SESAWANG : [www.pelitabrunei.gov.bn](http://www.pelitabrunei.gov.bn)

RAMADAN ADALAH BULAN YANG PENUH DENGAN KEBERKATAN